

Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 2006**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hakcipta Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Reka letak/Kulit Luar
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Kompilasi/Penyemak
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Nurul Syakirah binti Zaini

Dicetak oleh
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

ISBN
978-99917-49-81-5 (Kulit Keras)
978-99917-49-82-2 (Kulit Lembut)

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2006 Pada 1 Zulhijah 1426 / 1 Januari 2006	1-3
Titah Di Upacara Perbarisan Hari Polis Yang Ke-85 Tahun Dan Pertukaran Kepala Panji-Panji Diraja Pasukan Polis Diraja Brunei Pada 18 Zulhijah 1426 / 18 Januari 2006	4-7
Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 Pada 1 Muharam 1427 / 30 Januari 2006	8-11
Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-22 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Pada 24 Muharam 1427/ 23 Februari 2006	12-15
Titah Di Majlis Santap Malam Bagi Meraikan Tuan Yang Terutama Dr.haji Susilo Bambang Yudhoyono Pada 29 Muharam 1427/ 27 Februari 2006	16-20
Titah Di Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 15 Safar 1427 / 15 Mac 2006	21-24

Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi Pada 12 Rabiulawal 1427 / 11 April 2006	25-28
Titah Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi Pusat Persidangan, Berakas Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 27 Rabiulakhir 1427/ 25 Mei 2006	29-31
Titah Dimajlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-45 Tahun Pada 3 Jamadilakhir 1427 / 31 Mei 2006	32-34
Titah At A Banquet In Honour Of The 60Th Anniversary Of The Coronation Of His Majesty King Bhumibol Adulyadej Of The Kingdom Of Thailand Pada 16 Jamadilakhir 1427 / 13 June 2006	35-37
Titah Sempena Hari Keputeraan Yang Ke 60 Tahun Pada 19 Jamadilakhir 1427 / 15 Julai 2006	38-43
Titah Sempena Majlis Ilmu Hari Keputeraan Baginda Yang Ke 60 Tahun Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 24 Jamadilakhir 1427/ 20 Julai 2006	44-46

Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas Pada 7 Rejab 1427/ 1 Ogos 2006	47-50
Titah Sempena Majlis Sambutan Jubli Emas Pendidikan Perguruan Negara Brunei Darussalam Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam Pada 16 Rejab 1427 / 10 Ogos 2006	51-54
Titah Sempena Majlis Sambutan Israk Dan Mikraj Bagi Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong Pada 27 Rejab 1427/ 21 Ogos 2006	55-58
Titah Dimajlis Kesukuran Anjuran Orang- Orang Yang Dikurniai Gelaran Sempena Hari Keputeraan Yang Ke-60 Tahun Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong Pada 10 Syaaban1427/ 2 September 2006	59-62
Titah Sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam Pada 1 Syaaban1427/ 4 September 2006	63-65
Titah Di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep 'Melayu Islam Beraja (Mib)' Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Ke-60 Tahun Pada 27 Syaaban1427 / 20 September 2006	66-67

Titah Sempena Hari Guru Yang Ke-16 Tahun 2006 Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 28 Syaaban 1427 / 21 September 2006	68-70
Titah Sempena Majlisi Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1427 Hijrah Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 17 Ramadan 1427 / 9 Oktober 2006	71-74
Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi Pada 1 Syawal 1427 / 25 Oktober 2006	75-77
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Pada 22 Syawal 1427/ 14 November 2006	78-81
Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi Pada 9 Zulhijah 1427/ 30 Disember 2006	82-84

**Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2006
Pada
1Zulhijah 1426/ 1 Januari 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Alhamdulliah, marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya, sehingga dapat kita memasuki tahun baru Masihi 2006 dalam suasana aman dan sejahtera.

Keamanan dan kesejahteraan adalah kurnia paling berharga bagi suatu bangsa. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, kehidupan akan menjadi tidak bermakna.

Sebab itu, usaha memelihara keamanan dan kesejahteraan ini hendaklah menjadi agenda kita yang utama.

Seperti lazimnya, setiap bulan baru itu akan menghadirkan berbagai cabaran, yang memaksa kita untuk menggandakan kewaspadaan. Dari tahun 2005 sampai membawa kepada tahun 2006, dunia dijangka akan terus dihantui oleh ancaman-ancaman wabak, khasnya wabak selesema burung.

Alhamdulillah, kita di Brunei ini telah terlepas daripada ancaman wabak tersebut. Ini adalah berkat doa rakyat di samping langkah-langkah biasa oleh pelbagai pihak.

Kita tidak wajar memadang ringan sebarang wabak, kerana ia datang adalah di luar dari kehendak manusia. Ia bukan terjadi

hanya pada hari ini sahaja, malahan semenjak sekian lama lagi. Misalnya, virus influenza itu pernah menyerang dalam tahun 1918 yang membunuh sampai puluhan juta jiwa manusia di seluruh dunia.

Iniilah makanya, beta sendiri amat mengambil terhadap ancaman ini. Beta mahu semua pihak mengambil langkah-langkah ke hadapan sebagai persiapan menghadapi apa jua kemungkinan.

Itulah jua mendorong beta supaya satu Jawatan Kuasa Kebangsaan ditubuhkan yang di pengerusikan oleh Paduka Anakanda, Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, khusus untuk menangani ancaman tersebut.

Dari segi lain, seperti dunia keseluruhannya, kita juga di Brunei tidak terlepas dari menghadapi cabaran-cabaran perekonomian. Kerana itu sebagai menyahut cabaran tersebut, Kerajaan beta akan meneruskan langkah pada mempelbagaikan ekonomi negara, di samping berusaha menambahkan lagi sumber pendapatan sektor swasta.

Objektif aktiviti-aktiviti perekonomian sektor swasta bukan sahaja untuk menguatkan sektor berkenaan, tetapi juga adalah mampu untuk menyediakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan.

Menyebut mengenai pekerjaan ini, ia mengingatkan kita kepada soal pengangguran. Pengangguran adalah musuh negara yang paling rumit dihadapi, di mana kesannya juga boleh mengugat kestabilan sosial.

Kerana itu, Kerajaan beta tidak akan berhenti dari mencari jalan-melalui pelbagai usaha- ke arah mengatasi pengangguran, termasuklah meningkatkan peranan sektor swasta pada menyediakan peluang-peluang ini nanti, akan mengurangkan pula pergantungan kita kepada pekerjaan-perkerjaan di sektor swasta.

Kita tidak boleh selamanya berada di takok lama. Kita mesti meneroka jalan-jalan baru, khasnya di bidang-bidang perkerjaan. Lagi banyak taburan pekerjaan dapat diceburi lagi baik, menandakan kita bangsa yang kreatif. Hanya bangsa yang kreatif sahajalah yang layak mewarisi tamadun dan kemajuan.

Akhir kalam, beta ingin mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk di atas sokongan dan ketaatan mereka kepada Kerajaan beta.

Kepada semua peringkat dalam perkhidmatan awan Kerajaan, Pasukan-pasukan Keselamatan dan sektor swasta, beta juga tidak lupa merakamkan penghargaan di atas sumbangan tulus ikhlas mereka pada melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Dengan hati yang jernih, beta serta keluarga beta sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2006 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Beta berdoa, semoga kita dan negara sentiasa mendapat perlindungan Allah, beroleh keselamatan, kemakmuran dan kebahagiaan. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah
Di Upacara Perbarisan Hari Polis
Yang Ke-85 Tahun
Dan Pertukaran Kepala Panji-Panji
Diraja Pasukan Polis Diraja Brunei
Pada
18Zulhijah 1426/ 18 Januari 2006

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Tidak ada yang lebih bermakna dari mengucapkan syukur kepada Allah apabila Pasukan Polis Diraja Brunei menjangkau usianya ke-85 tahun. Dalam usia sepanjang ini, tentu sahaja ia merasai pelbagai pengalaman, dari yang manis sampailah kepada yang pahit turut dilaluinya. Namun semua itu tidaklah menjejaskan walau sedikitpun, malah lebih memantapkannya lagi.

Pasukan Polis adalah pengkuasa utama undang-undang. Ia perlu hebat dan berwibawa. Ia tidak boleh lemah dan lesu. Jika ia lemah, bererti banyak kepentingan akan terjejas.

Istimewa dalam era globalisasi hari ini, kita adalah sering berhadapan dengan cabaran-cabaran sukar yang memerlukan persiapan mantap Pasukan Polis. Misalnya ledakan teknologi maklumat dan kemuraman ekonomi di rantau kita masa ini, boleh sahaja mencetuskan keadaan-keadaan tidak menentu. Maka oleh itu, langkah mestilah diambil untuk terus memelihara serta mempertingkatkan lagi hubungan kita dengan Pasukan Polis di rantau ini, iaitu sebagai cara memperkemas 'networking' yang sedia ada.

Kewujudan anasir atau penjenayah professional, white collar criminal dan lain-lain, turut mencetuskan kegelisahan mendalam di kalangan rakyat dan penduduk negara ini. Maka dalam konteks ini, Pasukan Polis adalah mempunyai tanggungjawab khusus untuk menghadapi dan menanganinya.

Kita di negara ini tidak terkecuali dari menerima kehadiran IT. Kehadirannya itu tentu sahaja membawa banyak kebaikan. Namun dalam masa yang sama, ia juga boleh digunakan bagi tujuan-tujuan lain yang memudaratkan masyarakat. Maka sehubungan ini, sampailah masanya Pasukan Polis Diraja Brunei menimbangkan dengan segera penubuhan Bahagian Computer Forensic.

Alhamdulillah, lokasi negara kita serta keadaan ekonominya sekarang, amatlah melegakan. Namun dalam pada itu, ia juga menjadi pendorong kepada peningkatan pembolosan pendatang haram, penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing. Ini tidak syak lagi, meminta komitmen penuh Pasukan Polis, di samping juga lain-lain pihak yang sama-sama berkenaan.

Rakyat dan penduduk adalah menggantungkan harapan kepada Pasukan Polis. Kerana itu komitmen semua lapisan pegawai dan anggota hendaklah selalu dirangsang. Ia mesti dibuktikan dengan tindakan atau perkhidmatan yang berjaya.

Manakala perkara ini terjadi, barulah akan wujud kepercayaan orang ramai terhadap Pasukan Polis. Tidak ada yang lebih bermakna dari kepercayaan orang ramai tersebut, kerana dengannya, akan menjelmakan pula dukungan kuat mereka terhadap Pasukan Polis itu.

Pasukan Polis, tidak sahaja terikat kepada tugas-tugas biasa kepolisian, seperti menjaga keamanan dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang, tetapi juga menjadi penghubung di antara rakyat dan Kerajaan, terutamanya di kawasan-kawasan

luar bandar. Maka ke arah ini, setiap pegawai dan anggota hendaklah sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, tanpa mengira waktu dan tempat.

Apabila pihak polis menerima aduan orang ramai berkaitan dengan keselamatan, seperti rumah didatangi pencuri, atau terdapat kelibat-kelibat yang mencurigakan, maka pihak polis janganlah menunggu lama-lama atau terlalu cerewet, dengan bertanya itu dan ini, sehingga membosankan pihak pengadu atau pelapor. Kita mesti ingat, bahawa penjenayah itu sama sekali tidak menunggu polis, tetapi mahu lari - seberapa yang cepat - daripada polis.

Jadi jika polis bergerak lambat, bagaimanakah mungkin untuk dapat menangkap penjenayah yang bergerak pantas?

Oleh itu, beta ingin mengingatkan supaya Pasukan Polis sentiasa efisien, proaktif dan kreatif. Dan untuk ini, Pasukan Polis perlulah mempunyai program-program latihan yang kemas, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Pasukan Polis juga mesti menyedari bahawa mereka itu adalah tidak terlepas daripada pemerhatian pelbagai pihak. Kerana itu kita tidak hairan jika masyarakat amat sensitif dengan perlakuan atau perbuatan-perbuatan 'menyimpang' mereka, walaupun ianya cuma dilakukan oleh sebilangan kecil ahli sahaja, ibarat kata pepatah: Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit.

Apa yang ingin beta tegaskan bahawa beta amatlah menginginkan Pasukan Polis yang bersih, berwibawa dan berakhlak mulia. Sebagai penguatkuasa undang-undang, Pasukan Polis mestilah berani, amanah dan setia, sehingga dengannya, tidaklah akan berbangkit yang Pasukan Polis boleh diperalatkan oleh mana-mana pihak bagi kepentingan tertentu mereka.

Sebagai pelengkap, beta telahpun memperkenalkan penubuhan Jabatan Perisikan Jenayah atau Department of Criminal Intelligence. Begitu juga untuk kebajikan warga polis, beta juga telah

memperkenankan peruntukan skim takaful berkelompok bagi para pegawai, anggota dan kakitangan awam Pasukan Polis.

Hari ini juga kita semua akan menyaksikan satu lagi catatan sejarah dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dengan pertukaran Kepala Panji-Panji Dirajanya. Ianya adalah merupakan simbolik kepada keperluan perubahan daripada era lama kepada era baru. Beta berharap dengan adanya pertukaran Kepala Panji-Panji ini, akan dapatlah ianya menyuntik semangat dan nafas baru bagi Pasukan Polis Diraja Brunei.

Ini juga adalah satu simbolik ke arah memodenisasikan Pasukan Polis Diraja Brunei. Bentuk pemodenisasian itu, termasuklah pelengkapan infrastruktur bangunan-bangunan pasukan, penggunaan sistem teknologi yang berkaitan, penambahan dan pembelian aset-aset operasi pasukan dan yang penting sekali peningkatan dan perkembangan tenaga manusia pasukan Polis Diraja Brunei sendiri. Jika ini dapat dicapai, insya-Allah kelebihan berkesan Pasukan Polis Diraja Brunei akan segera menjadi kenyataan.

Akhirnya, beta juga ingin mengingatkan, bahawa keadaan keselamatan dunia adalah tidak menentu, di mana ini, tidak memberi kekecualian kepada sesiapa pun, termasuklah juga negara kita. Oleh itu Pasukan Polis Diraja Brunei perlulah peka dengan apa sahaja keadaan, sambil tidak mengabaikan kemungkinan berlakunya kejadian-kejadian tidak diduga yang boleh menggugat keamanan negara, rantau mahupun dunia.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Menyambut Tahun
Baru Hijrah 1427
Pada
1 Muharam 1427/ 30 Januari 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mengizinkan kita dapat melangkah ke tahun baru 1427 Hijrah.

Tahun ini akan kita jadikan tahun 'kerja keras' sebagaimana di masa yang sudah-sudah. Kerja-kerja itu pula didasarkan kepada dua turutan besar, iaitu: Untuk kebaikan di dunia dan keselamatan di akhirat.

Kita akan berkerja dengan hidayat sambil menjauhi kemurkaan Allah. Dengan cara ini kita dapat menghasilkan program-program kemajuan seperti yang dihajati.

Kita juga tahu bahawa kita adalah berada di tengah-tengah suasana dunia yang sering berubah. Isu-isu serantau dan global juga terus menghambat pada setiap masa. Ini, tentu sahaja memerlukan kita bersikap lebih bijak dan berhati-hati.

Kita juga tidak boleh menyisihkan diri, baik secara aktif atau perlahan. Kita perlu menyertai usaha-usaha serantau dan global untuk menangani pelbagai isu, seperti isu alam sekitar, membanteras jenayah dan kawalan wabak penyakit.

Penyertaan kita ini, tidak sahaja kerana menunaikan tanggungjawab selaku anggota masyarakat antarabangsa, tetapi juga didorong oleh keagamaan yang suci.

Agama Islam, agama pegangan kita turun-temurun adalah merupakan agama rahmat untuk seluruh alam, yang menganjurkan supaya saling menghormati di antara manusia, bukannya permusuhan atau penyisihan diri.

Kita perlu menterjemahkan rahmat ini ke dalam dasar-dasar kerjasama serantau dan antarabangsa, seperti jika kita melaksanakan program-program keagamaan dalam negeri, ianya adalah bertujuan menyebarkan rahmat itu kepada semua, iaitu rahmat berupa kebahagiaan dunia dan akhirat.

Salah satu di antara beberapa program terpenting ialah program persekolahan dan pendidikan agama pada keseluruhannya.

Kerajaan beta telah memperkenalkan sistem persekolahan agama semenjak hampir setengah abad yang lalu. Menerusnya, rakyat negara ini telah dapat memperlajari ilmu-ilmu agama, khasnya ibadat dan Al-Quran. Beberapa tahun sesudah ia dimulakan, pelajar dewasa agama pula dilaksanakan.

Semenjak daripada itu, persekolahan agama telah mencorakkan hidup kita selaku orang-orang Islam. Daipadanya terpancar sinar agama menyinari kehidupan ini.

Brunei adalah dikenali dengan sifatnya mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, berkat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya.

Beta rasa, pendekatan ini sudah serasi dengan Brunei. Oleh itu, hayati dan pertahankanlah ia.

Beta yakin, peranan persekolahan dan pendidikan agama bukan

setakat untuk memperelokan keadaan, malahan juga mesti meningkat kepada membangun atau membina tamadun dan kehidupan. Tanpa peranan seumpama ini, tamadun dan kehidupan boleh sahaja ibarat kapal tanpa muatan, tidak ada apa-apa yang boleh diambil manfaat daripadanya.

Kerana itu beta inginlah melihat peranan 'besar' itu dilaksanakan secara berkesan. Dan untuk ini, penyusunan semula atau pengemaskinian semua berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat, termasuk juga menyemak sukatan dari kurikulumnya.

Objektif kita, ialah supaya rakyat mendapat pendidikan agama yang sempurna. Jangan siapa yang mengelak atau berkecuali. Kerana ia adalah 'jalan selamat' yang telah disediakan oleh negara. Maka kerana itu, tidak siapa pun yang patut menolaknya.

Setiap kanak-kanak Brunei Muslim adalah wajib diasuh menyempurnakan fardu ain mereka. Sekurang-kurangnya sembahyang mereka sempurna dan bacaan Al-Quran lancar. Kerana itu, kesesuaian sukatan dan kurikulum perlulah diteliti.

Rumusan semua objektif di dalam pendidikan ialah melahirkan rakyat yang taat beragama, di mana mereka akan menjadi pelita ummah yang mempunyai fahaman dan pegangan yang betul.

Oleh itu beta turut berharap, yang mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam atau Islamic Religious Knowledge (IRK) dalam persekolahan umum mestilah juga turut dikemaskan.

Kita perlu ingat, bahawa anak-anak kita adalah menghadapi masa depan yang tidak sama lagi dengan apa yang kita alami. Cabaran yang mereka akan hadapi setelah dewasa, menghendaki mereka itu berilmu dan berkemahiran. Malah belum mencukupi setakat itu, mereka juga diperlukan beriman untuk membolehkannya menjadi orang salih. Ciri-ciri salih ini tidak dapat diabaikan, memandangkan dunia hari ini lebih menjurus kepada kebejatan moral.

Sehubungan dengan itu, beta percaya, program pengembangan sumber tenaga manusia yang baru-baru ini diluluskan dengan dana sejumlah \$250 juta itu akan sama meliat aspek ini. Yakni manusia yang dirancang dan akan lahir daripada program tersebut ialah manusia Brunei yang berilmu, mahir dan beramal salih.

Akhirnya, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru 1427 Hijrah, semoga kedatangannya akan membawa keberkatan dan kebahagiaan kepada kita dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah
Sempena Menyambut Peryaan
Ulang Tahun Ke-22 Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Pada
24 Muharam 1427/ 23 Februari 2006

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala keran dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22 dalam suasana aman dan sejahtera.

Tahun ini adalah tahun ke dua puluh lindungannya Paduka Ayahanda beta, Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Maka amat wajarlah rasanya kita mengenang semula baginda itu selaku raja yang amat prihatin kepada nasib bangsa dan negara ini.

Usaha Paduka Ayahanda untuk memajukan bangsa dan negara, adalah tidak ada tolok bandingnya. Ia dibuat tanpa memikiran kepentingan diri, dan bahkan tanpa menghiraukan sebarang tekanan daripada mana-mana juga pihak. Ia berjalan begitu teratur, sehingga membuahkan hasil yang sangat membanggakan.

Dan kita alhamdulillah, telah mengambil banyak teladan daripada baginda itu, yang menjadikan kita terus mantap serta menikmati hasil usaha dan perjuangan kita yang panjang.

Perjalanan kita ke arah menjana kemakmuran mestilah diteruskan. Ia bukanlah satu jalan mudah, tetapi memerlukan tenaga

serta daya fikir yang kuat, sehingga mampu meletakkan kita untuk berhadapan dengan pelbagai rintangan.

Di antara rintangan-rintangan itu ialah kemungkinan terdapat kekurangan tenaga.

Di dunia pada hari ini, rata-rata orang bergantung kepada sumber tenaga minyak dan gas, sedangkan dua sumber ini adalah merupakan sumber yang terhad, serta berkemungkinan untuk pupus pada suatu ketika kelak.

Dalam makna, dunia kita ini - apabila sampai waktunya - akan berhadapan dengan kekurangan sumber tenaga itu, yang boleh menjadikan semua pihak terjejas atau tergugat. Tidaklah ini suatu malapetaka besar jika berlaku?

Di sinilah harga hidup saling membantu dan menjalin persefahaman. Ia berguna, bukan sahaja dalam masa senang, malahan lebih perlu ketika ditimpa kesusahan. Kesenangan itu boleh sahaja dicapai dengan kerja keras, tetapi musibah jika berlaku, biasanya adalah di luar jangkaan.

Sebab itu, idea menubuhkan 'Badan Dunia' adalah suatu 'idea besar'. Tujuannya yang utama ialah, supaya hubungan di antara bangsa-bangsa menjadi rapat dan padu, bukannya untuk bersengketa atau berpecah belah.

Agama kita, Islam, sudahpun lebih awal melihat perkara ini, bilamana Allah Subahahu Wataala berfirman di dalam Surah Al-Hujurat ayat 13, tafsirnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakannya kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami juga menjadikan kamu bangsa-bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra di antara satu dengan yang lain). (Namun) sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah, siapa yang lebih takwanya”

Jika kita mengambil semangat ayat ini, manusia tidaklah akan bergaduh, tidak akan menghina sesama sendiri, apatah lagi menghinakan para nabi dan rasul, siapa yang secara istimewa telah diutus untuk menyempurnakan akhlak serta mengajar manusia bagaimana untuk mengenali hidup ini, selaku hamba yang lemah di hadapan Al-Khaliq Yang Maha Pencipta.

Jika tidak syak lagi, perbuatan menghina nabi dan rasul, sama ada dengan lisan atau tulisan, adalah ia sangat jijik dan dikutuk oleh semua tamadun dan agama. Dengan apapun alasan untuk menghalalkannya, termasuk dengan alasan kebebasan bersuara dan akhbar, adalah tidak dapat diterima.

Kita ingin bertanya : Manakah satu lebih mulia dan lebih berharga, nabi dan rasulkah, siapa yang menjadi penyelamat dan pembawa rahmat kepada alam seluruhnya, ataupun sekadar sekelumit kebebasan yang didakwakan itu? Dan apalah yang ada pada kebebasan jika ia digunakan untuk menyakiti hati serta untuk mengharu-birukan dunia?

Alhamdulillah. Beta amatlah bersyukur, kerana kita di negara ini dan juga media-media kita tidak terlibat langsung untuk mempromosi tengkarah hitam yang tidak berfaedah itu. Maka dengan ini, beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan tahniah kepada negara dan rakyat, kerana terus mengekalkan sifat-sifat ketamadunan yang tinggi lagi tulen di dalam kehidupan kita.

Beta yakin, dengan berbekalkan sifat-sifat yang terpuji ini, bangsa kita akan berusaha untuk meliat ke hadapan, di mana jalan yang bermanfaat untuk ditempuh, dan di mana pula yang tidak baik dihindari.

Kita juga akan turut berperanan, sama ada di arena serantau mahupun antarabangsa, dengan pendekatan yang adil, iaitu sama-sama melakar dan mengusahakan kebaikan, di mana dalam masa yang sama juga sama-sama mengelak dan menolak keburukan.

Beta yakin, tidak ada cara yang lebih baik dari ini.

Marilah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala terus memelihara kita dengan taufik dan hidayat-Nya dengan mengurniakan keselamatan dan kesejahteraan kepada negara.

Akhirnya beta mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan lain-lain Jawatan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke Duapuluh Dua Hari Kebangsaan, dan semua peserta serta petugas yang turut berusaha untuk menjayakan perayaan ini.

Demikian juga rakyat dan penduduk yang beta kasihi, termasuk seluruh peringkat ahli Perkhidmatan Awam, Pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, beta tidak lupa untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Di Majelis Santap Malam Bagi
Meraikan Tuan Yang Terutama
Dr.haji Susilo Bambang
Yudhoyono
Pada
29 Muharam 1427/ 27 Februari 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono dan ibu
Hajah Ani Bambang Yudhoyono,

Beta sukacita merakamkan ucapan selamat datang kepada Tuan
Yang Terutama, Ibu dan ahli-ahli rombongan.

Lawatan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam
ini adalah merupakan satu penghormatan bagi kami, serta juga
akan menguatkan lagi hubungan dua hala di antara Negara Brunei
Darussalam dan Republik Indonesia.

Beta berharap Tuan Yang Terutama dan Ibu akan merasa selesa
dan senang semasa berada di negara ini.

Tuan Yang Terutama,

Negara Brunei Darussalam amatlah menghargai hubungan
persahabatan dan kerjasama yang rapat lagi mesra dengan Republik
Indonesia.

Pertalian Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia
adalah melebihi dari pertalian biasa. Selain sebagai jiran serta rakan

kerja yang rapat di dalam forum-forum serantau dan antarabangsa, kita juga adalah merupakan saudara serumpun yang dijalin kuat oleh persamaan akidah, budaya dan bahasa.

Semua ini menjadi asas kukuh, di mana kita tanpa rintangan akan dapat mengenal pasti serta ada di dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan, pelabuhan, pendidikan dan pertahanan.

Kerjasama kita dalam bidang perdagangan adalah berjalan dengan baik, dan beta yakin, jika kita terus berganding bahu, sudah barang tentu kita akan mempunyai peluang serta masa depan yang cerah untuk meningkatkan lagi kerjasama yang lebih menguntungkan.

Dalam perhubungan ini, beta adalah mengalu-alukan usaha kedua-dua Dewan Perniagaan Negara kita, untuk terus mengeratkan hubungan yang boleh membantu mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pelaburan baru.

Tuan Yang Terutama,

Dalam bidang pendidikan pula, kerjasama kita bukan sahaja di peringkat teknikal dan vokasional, malahan juga berkembang ke peringkat pengajian tinggi.

Pada masa ini terdapat orang pensyarah dari Republik Indonesia, yang berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam dan juga beberapa institusi pengajian tinggi yang lain.

Beta juga gembira dengan adanya minat pelajar-pelajar Indonesia melanjutkan pengajian mereka di Universiti Brunei Darussalam. Di antara mereka itu ada yang sudah menamatkan pengajian dengan mendapat kejayaan cemerlang.

Beta yakin, kerjasama kita di bidang pendidikan ini akan membuahkan manfaat yang sangat banyak.

Begitu juga beta percaya, kerjasama kita di bidang pertahanan adalah sangat menyumbang untuk keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Anggota tentera kita kian giat mengadakan latihan-latihan bersama, dengan tujuan, untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran di bidang ini.

Pada hemat beta, hubung akrab seperti ini, sangatlah perlu diteruskan.

Tuan Yang Terutama,

Negara Brunei Darussalam turut memahami usaha-usaha Kerajaan Republik Indonesia untuk mencapai kestabilan politik dan pertumbuhan ekonominya.

Beta yakin, di bawah pimpinan Tuan Yang Terutama, Negara Republik Indonesia akan Berjaya mencapai hasrat pembaharuan ekonomi dan sosial, yang akan membawanya ke tahap lebih makmur dan sejahtera.

Kita sedia mengambil maklum bahawa rakyat Indonesia adalah rakyat yang gigih, yang tentu sahaja akan bersama-sama dengan pemerintah mereka untuk mencapai cita-cita yang luhur ini.

Di sini, ingin pula beta mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan kepada kira-kira 36,000 rakyat Indonesia yang sedang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam pada ketika ini.

Sumbangan mereka itu telah banyak membantu pembangunan negara ini.

Tuan Yang Terutama,

Negara Brunei Darussalam turut berbangga dengan peranan Republik Indonesia dalam ASEAN.

Selaku anggota ASEAN, kita adalah mempunyai pandangan yang sama untuk mencapai matlamat mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman lagi makmur.

Beta dalam kesempatan ini, ingin mengucapkan tahniah di atas kepimpinan Tuan Yang Terutama dalam mempengerusikan Sidang Kemuncak Asia Afrika pada tahun lalu.

Negara Brunei Darussalam juga menghargai sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh Republik Indonesia dalam menangani isu-isu jenayah, konflik politik dan kemanusiaan.

Tuan Yang Terutama,

Bencana gelombang besar tsunami dan gempa bumi di Aceh masih sahaja hangat dalam ingatan.

Beta, pada bulan Februari tahun lalu, telah berkesempatan menyaksikan sendiri keadaan di Aceh. Ia adalah merupakan satu pengalaman menyayat hati lagi memilukan.

Bagaimanapun, beta turut bersyukur kerana kerja-kerja pembangunan semula di Aceh kini giat dilaksanakan.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama bagi membantu rakyat Aceh.

Usaha ini diharapkan akan memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim di antara kedua buah negara kita.

Sementara itu Negara Brunei Darussalam juga akan terus memberi sokongan dan kerjasama di sepanjang penglibatan dalam Misi Pemerhati Aceh (AMM) untuk memastikan proses damai di situ adalah berjalan dengan lancar.

Tuan Yang Terutama,

Bagi mengakhiri ucapan ini, beta ingin mengambil peluang mengucapkan terima kasih di atas sambutan dan layanan mesra oleh Kerajaan Republik Indonesia kepada beta pada setiap lawatan beta beberapa tahun kebelakangan.

Ini semuanya insya-Allah, akan lebih mengukuhkan lagi kerjasama dan persahabatan di antara kedua-dua buah Negara kita. Beta berharap, kita juga akan berganding bahu di dalam apa jua usaha bagi kebajikan bersama.

Akhirnya, Beta berharap, Tuan Yang Terutama dan Ibu Hajah Ani serta rombongan akan merasa gembira dapat membawa kenangan-kenangan manis ketika berada di Negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Di Persidangan Pembukaan Rasmi
Mesyuarat Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Kedua Majlis
Mesyuarat Negara
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
Pada
15 Safar 1427/ 15 Mac 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Sabhanahu Wataala kerana mengizinkan kita berhimpun di perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Mesyuarat yang akan berlangsung ini membawa mesej terbuka bahawa kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang kita ada.

Cara ini telah banyak mendatangkan kebajikan. Melalui permesyuaratan, kita sebenarnya adalah membuka jalan untuk lebih kaya dengan idea-idea baru dan pengalaman.

Inilah wadah yang amat beta sukai. Dari semangatnya alhamdulillah, beta telah mendapat amal inspirasi untuk mengadakan siri-siri lawatan kepada seluruh lapisan rakyat. Di daerah-daerah mahupun di kampung-kampung.

Dengan cara ini, dapatlah beta mendampingi mereka, dan juga berkongsi pengalaman serta harapan.

Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis-Majlis Mesyuarat yang lain juga. Ia berperanan sebagai badan penasihat kepada beta dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Pandangan atau buah fikiran yang diberikan oleh ahli-ahli adalah secara 'constructive' untuk mencapai 'consensus'.

Pada hari ini adalah merupakan sesi pertama permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang baru dilantik. Ia terdiri daripada 29 ahli. 5 ahli telahpun beta lantik daripada daerah-daerah.

Beta tidak lupa mengucapkan tahniah dan selamat bersidang.

Penambahan ahli adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan dan juga hasrat beta sendiri untuk memberikan peluang yang luas kepada rakyat dalam memberikan pandangan.

Beta yakin, Ahli-ahli yang dilantik akan mendapat memainkan peranan ini dengan baik.

Pada sidang hari ini, majlis buat pertama kalinya akan membincangkan Peruntukan Belajawan Negara.

Inilah peluangnya untuk ahli-ahli memberikan pandangan masing-masing. Beta yakin, mereka adalah mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

Sebagai ahli, mereka tidaklah perlu takut-takut, tetapi sebaliknya meletakkan diri masing-masing untuk menangani kepentingan negara dan rakyat.

Jika mereka dapat berbuat yang demikian itu, maka inilah satu kejayaan besar untuk negara, dan juga untuk masa depan majlis yang ditunggu-tunggu.

Oleh itu, harapan adalah sangat tinggi, supaya Ahli-ahli bukan sahaja menjadi penyampai yang baik bagi Kerajaan dan rakyat, malahan juga turut dituntut ialah menjadi ahli fikir yang dapat dicontohi oleh masyarakat.

Rakyat dan penduduk adalah sentiasa fokus kepada mereka, siapa selaku wakil bagi perpaduan kebangsaan dan nilai-nilai etika yang luhur.

Mereka juga adalah berada paling depan untuk mendukung dan menghormati agama, undang-undang dan juga adat resam bangsa.

Yang Di-Pertuan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Perkembangan perlembagaan adalah merupakan proses yang memerlukan penilaian dari masa ke semasa, di samping melaksanakannya dengan teratur.

Beta sendiri juga mahu sama-sama mengawasi proses ini.

Beta juga akan menentukan arah tuju serta kesahihan Perlembagaan menurut yang semestinya.

Tentang Majlis Mesyuarat Negara, beta sendiri ingin memerhatikan perjalanannya, di samping turut menilai kesan-kesannya ke atas kehidupan rakyat dan penduduk.

Salah satu agenda utamanya ialah untuk membahaskan Perutukan Belanjawan Negara, yang akan dilihat dari banyak sudut, terutama perancangan, kewangan dan sumber pendapatan negara.

Dari segi sumber pendapatan, negara kita telah mendapat nikmat menjadi sebuah negara pengeluar minyak, yang dengannya juga menjadikan kita beroleh kemakmuran yang wajib disyukuri.

Namun ini, janganlah ianya menjadikan kita bersikap leka dan membazir, tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan jimat.

Langkah memperbagaikan ekonomi juga amatlah penting memandangkan perkembangan dunia yang tidak menentu. Selain minyak dan gas, sumber-sumber lain juga seperti pertanian turut membawa kita terpanggil untuk menerokanya lebih jauh. Kerana kita tidaklah boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar, dan malah, adalah menjadi satu kesilapan yang ketara jika kita tidak mengambil kira faktor-faktor alam dan politik yang mendatang.

Jadi sehubungan ini, semua sektor Kerajaan mahupun swasta mestilah sama-sama mendukung usaha Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber ekonomi negara ini.

Kita tidak mampu lebih jauh tertinggal ataupun tercicir. Kita mesti berani menerokanya, serta berazam untuk mengelakkan kelembapan yang merugikan.

Akhirnya beta mengharapakan supaya Ahli-ahli akan dapat berbincang dengan bersungguh-sungguh serta penuh himmah, supaya nanti semua keputusan dapat dicapai sebagaimana semestinya.

Demikian juga beta berdoa semoga dengan bimbingan bijaksana dari Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua, persidangan ini akan dapat berjalan dengan lancar lagi sempurna.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Sambutan Maulud
Nabi Muhammad Sallallahu
Alaihi Wassalam
Tahun 1427 Hijrah/ 2006 Masihi
Pada
12 Rabiulawal 1427/ 11 April 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Adalah wajar untuk kita bersyukur banyak-banyak, kerana dapat pula menyambut dan merayakan Maulid Ar-Rasul Sallallahu Allahi Wassalam.

Peristiwa ini adalah peristiwa sungguh penting, kerana itu ianya tidaklah boleh diabaikan. Kita melihatnya sebagai keperluan asasi untuk mengilhami kita meraih berbagai kebaikan.

Di antara kebajikan itu, mendorong kita untuk membalik-balik semula lambaran perjuangan Baginda yang mengandungi pelbagai aspek. Tanpa ini semua, kita akan berjalan ibarat 'si buta kehilangan tongkat'

Itulah dia rahsia besar di sebalik membuka dan muthala'ah sejarah hidup Nabi dan pemimpin agung ini.

Baginda bukan sahaja memimpin akidah kita, malah juga memimpin bagaimana untuk sihat, untuk bersih dan untuk indah.

Sampai ke situ pimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam itu.

Di zaman yang dinamakan zaman kemajuan ini, usaha untuk dicapai tahap kebersihan yang maksima adalah dilakukan dengan bersungguh-sungguh, lebih-lebih lagi apabila kita berhadapan dengan satu-satu wabak yang amat ditakuti.

Agama Islam, bukan sahaja melabelkan 'bersih' itu untuk kesihatan dan keselamatan, malahan lebih jauh lagi sebagai sebahagian daripada iman.

Demikian juga, Allah menghubungkan perkara 'kasih sayang' dengan kebersihan atau kesucian. Dia sendiri mengisytiharkan diri-Nya, sebagai siapa yang mengasihi orang-orang bertaubat dan juga orang-orang membersihkan atau menyucikan diri mereka.

Perkara ini dapat kita rujuk di dalam Surah Al-Baqarah ayat 222.

Dari petunjuk hadis dan ayat Al-Quran itu, nyatalah perkara kebersihan tidak boleh lagi diabaikan.

Kita tidak mampu membiarkannya dipandang ringan, tetapi mesti dikawal dan diurus dengan sempurna.

Sekarang sudah terbukti, bahawa wabak-wabak penyakit adalah turut berkaitan dengan faktor kebersihan. Kerana itu, di mana juga terdapat pencemaran atau kotoran yang teruk. Di situ amat berpotensi untuk menyebabkan wabak-wabak penyakit.

Berasaskan ini, maka adalah wajar, kita di Negara Brunei Darussalam ini turut melihat perkara kebersihan itu sebagai perkara yang diberikan keutamaan.

Barangkali, terdapat pihak yang memandang perkara ini remeh dan tidak perlu dibesar-besarkan. Pada hemat beta, ia bukanlah remeh tetapi asasi dan merupakan satu ciri revolusi sosial yang mendesak.

Biasanya, kebersihan itu sangat ditekankan untuk tempat-tempat awam, seperti pasar-pasar, kaki-kaki lima di kedai-kedai, jalan

raya, tempat-tempat membeli belah, termasuklah kedai makan dan restoran.

Sesebuah negara yang dianggap bersih, imejnya adalah sangat tinggi dan indah. Namanya juga akan disebut baik serta diminati untuk dikunjungi. Apakah ini bukan hebat namanya?

Oleh itu, beta sangatlah gembira apabila terdapat langkah-langkah tegas oleh pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini, termasuk perkara kebersihan di tempat-tempat makan minum seperti kedai makan dan restoran.

Sesebuah negara yang dianggap bersih, imejnya adalah sangat tinggi dan indah. Namanya juga akan disebut baik serta diminati untuk dikunjungi. Apakah ini bukan hebat namanya?

Oleh itu beta sangatlah gembira apabila terdapat langkah-langkah tegas oleh pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini, termasuk kepada kebersihan di tempat-tempat makan minum seperti kedai makan dan restoran.

Menyebut kedai makan dan restoran ini, pihak agensi penguatkuasa adalah berkewajipan untuk melihat, bukan sahaja kebersihan zahir, malahan juga kebersihan dari sudut hukum syarak, di mana tempat makan minum orang Islam dan di mana pula yang bukan, semuanya itu perlu ditangani dan dikemaskinikan.

Mengenai perkara ini, bukanlah tidak penting, memandangkan pertumbuhan pesat perniagaan, termasuk tempat-tempat makan di negara ini.

Ini juga adalah berkait rapat dengan masalah kesejahteraan ummah. Tempat-tempat makan minum yang bersih, turut menyumbang kepada kesihatan dan keselamatan. Begitu juga secara khusus, kebersihan dari segi hukum syarak, turut menentukan keberkesanan ibadat seseorang Islam serta pembinaan jasmani mereka yang sihat lagi berkat.

Maka bersukut dengan hari yang berkat ini, amat wajarlah kita menghayati salah satu pengajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam iaitu mengenai kebersihan. Kebersihan itu disifatkan oleh Baginda sebagai sebahagian daripada iman.

Jadi komitmen kita mengenainya adalah bermakna satu dukungan dan penghayatan kita terhadap ajaran tersebut. Mendukung serta menghayati ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam itu tidak diragukan lagi adalah menjadi punca rahmat dan keselamatan untuk semua.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Pertandingan
Membaca Al-Quran
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir
Kebangsaan Tahun
1427 Hijrah / 2006 Masihi
Pusat Persidangan, Berakas
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
Pada
27 Rabiulakhir 1427/ 25 Mei 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam adalah negara yang benar-benar memuliakan Al-Quran. Kita memuliakannya dengan cara memperlajari dan membacanya. Dari dahulu sampai sekarang, kita tidaklah pernah mengabaikan Al-Quran itu. Memperlajarinya adalah merupakan budaya kita turun-temurun.

Di negara ini, jalan untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran adalah terbuka luas. Ia wujud melalui institusi pendidikan, masjid dan balai ibadah, serta juga tidak ketinggalan pejabat-pejabat dan rumah-rumah persendirian.

Beta sendiri pernah menasihatkan supaya Al-Quran dibaca oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sebelum lagi mereka itu memulakan sebarang tugas atau pekerjaan.

Mengapakah beta menghendaki demikian? Kerana tidak lain, ialah untuk mendapatkan keberkatan.

Adalah keberkatan itu insya-Allah, mampu membuahkan usaha yang baik serta akhlak yang mulia. Kerana bukannya Al-Quran itu suluh dan petunjuk ke jalan lurus?

Kita perlu berusaha sebanyak mungkin untuk memperolehi manfaat daripada Al-Quran. Di samping membacanya, kita juga patut menambah dengan memahami sama kandungan ayat-ayatnya.

Usaha lanjut ini, beta rasa, bolehlah dibuat oleh institusi-institusi pendidikan serta juga setiap kementerian atau jabatan menurut cara-cara yang bersesuaian.

Beta mahu semua ini dilihat sebagai satu amanah, selaku tugas dan kewajiban besar. Begitu juga dengan lain-lain tugas dan pekerjaan, semuanya adalah amanah. Sementara pegawai dan kakitangan yang dilantik atau diberi jawatan pula adalah pemegang-pemegang amanah itu.

Isu amanah adalah isu universal. Ia bukan terbatas kepada umat Islam sahaja, malah dibincang dan diperkatakan oleh semua bangsa tanpa mengira pegangan agama mereka.

Bagi kita umat Islam, ia adalah jelas merupakan satu suruhan Allah. Kerana kita dituntut supaya amanah, sama ada dalam pelajaran atau pendidikan, dalam pekerjaan, dalam ibadat, dalam menjaga rahsia, dalam urusan harta benda dan lain-lain.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam selaku penghulu kita, sangat terkenal dengan sifat amanah, sehingga Baginda digelar 'Al-Ameen', yakni orang yang selama-lamanya lurus dan benar.

Meringan-ringankan amanah samalah dengan meringan-ringankan iman, sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam, riwayat Iman Ahmad daripada Anas bin Malik radhiallahu'anh menjelaskan:

“Tidak ada iman bagi siapa yang tidak ada amanah padanya, dan tidak ada agama bagi siapa yang tidak memegang janji”

Ini dikuatkan lagi oleh amaran Allah sendiri dalam Al-Quran Surah Al-Anfal ayat 27, tafsirnya:

“Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diberikan kepada kamu, sedang kamu mengetahui.”

Begitulah agama Islam dan Al-Quran mewajibkan kita supaya bersifat amanah. Dari amalan itu, akan menghasilkan kebahagiaan serta kasih sayang Allah dan juga manusia.

Sekian, Walbillat Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Dimajlis Hari Ulang Tahun
Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei Yang
Ke-45 Tahun
Pada
3 Jamadilakhir 1427/ 31 Mei 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Dengan hati yang tulus jernih, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala yang telah memelihara negara kita menjadi sebuah negara yang aman lagi sejahtera.

Keamanan bukanlah barang yang boleh dibeli, melainkan semata-mata suatu kurnia daripada Allah.

Mengapa kita dikurniakan keamanan?

Kerana adanya 'sifat dalaman' yang luhur yang dimiliki oleh bangsa.

Sifat dalaman yang beta maksudkan itu ialah keimanan dan ketakwaan. Apabila tahap keduanya itu tinggi, maka mudahlah kita memetik buahnya.

Cuba kita perhatikan, beberapa banyak negara di dunia - kecil mahupun besar - yang menginginkan keamanan? Tetapi siapakah yang berjaya mencapai keinginan itu?

Ini adalah satu lagi bukti, bahawa keamanan itu bukanlah komoditi, atau pun sesuatu yang boleh dibina seperti kita membina

bangunan. Tetapi ia wujud dan lahir tersendiri dengan izin Allah. Negara, apabila pemerintah dan rakyatnya mentaati Allah maka insyaAllah, akan tegaklah keamanan itu.

Jadi dapatlah dirumuskan di sini, bahawa keamanan dan kestabilan, tidak bersumber dari sesiapa, melainkan ia adalah terbit dari rahmat Allah semata-mata. Tanpa rahmat, adalah mustahil untuk memperolehi keamanan dan kestabilan.

Jika demikian itu keadaannya, maka wajiblah kita istiqamah dalam beragama, supaya kita mendapat kasih sayang daripada Allah. Kerana hanya golongan yang dikasihi oleh Allah sahaja yang akan mendapat pertolongan-Nya.

Menyebut tentang pertolongan Allah ini, pada hemat beta, tidak ada pihak yang lebih memerlukannya melainkan Angkatan Bersenjata.

Kerana itu mereka perlu ingat, bahawa 'pertolongan langit' ini bukannya datang bergolek, tetapi mesti diusahakan dengan usaha-usaha besar serta juga doa yang berterusan.

Jadi sehubungan itu wajar rasanya jika beta mengucapkan tahniah dan syabas kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kerana langkahnya menubuhkan Jabatan Agamanya baru-baru ini.

Beta yakin, dengan penubuhan itu, akan menambahkan lagi keupayaan Angkatan Bersenjata bagi meningkatkan motivasinya serta juga memartabatkan disiplin ketenteraan yang berteraskan iman dan takwa.

Satu lagi tanda peralihan dan permodenan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah, dengan adanya penubuhan Institusi Pengajian Pertahanan dan Strategik, pembentukan Akademi Tentera dan penganugerahan Skim Biasiswa bagi penuntut-penuntut cemerlang dalam peperiksaan Peringkat 'O' dan 'A'.

Langkah ini tidak syak lagi bakal menjana dan melahirkan generasi pemimpin serta warga tentera yang dinamik di masa depan.

Untuk akhirnya, beta ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke 45 kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang masih berkhidmat dan yang telah bersara, keluarga meraka serta juga mana-mana kakitangan yang turut menyumbang kepada pertahanan negara selama ini. Semoga sumbangan suci itu akan membawa kepada kebajikan yang berpanjangan, sama ada bagi penyumbang, mahupun lebih-lebih lagi bagi negara.

Sekian, Wabillat Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
At A Banquet In Honour Of
The 60Th Anniversary Of The
Coronation Of
His Majesty
King Bhumibol Adulyadej
Of The Kingdom Of Thailand
Pada
16 Jamadilakhir 1427/ 13 June 2006**

Your Majesty King Bhumibol Adulyadej,

Your Majesty Queen Sirikit,

Your Majesties,

Your Royal Highnesses,

Ladies and Gentlemen,

Your Majesty,

We have the honour and great pleasure to join Your Majesties today for two reasons.

Firstly, we are here, like people everywhere in this proud and ancient kingdom, to offer a very simple personal message to Your Majesty and your beloved Queen Sirikit.

We offer our warmest congratulations and our heartfelt best wishes to you both and to people of Thailand. We do this with the deepest of respect.

This occasion, however, demands much more than our simple goodwill no matter how warmly and sincerely it is expressed.

So, there is another equally important reason for our presence in your beautiful country. If there is a single word to express it, Your Majesty, I believe it would be the word, 'honour'

We are here, Your Majesty, to honour you and your people and to honour your life as their leader, their inspiration and their revered Head of State.

Your Majesty's reign is one the longest in history. That, however, is a matter for academic record and we are not here to celebrate mere records.

We are here to honour the substance of that reign. We are here to express our profound esteem for the personal qualities with which Your Majesty has so enriched it.

Its sixty years are not just sixty years in the history of Thailand. They are, in so many ways, the history of our times, the good and the bad, the joyous and the sad, the exciting and the desperate.

These times have brought the most rapid and far-reaching changes ever seen in Man's history. They have challenged every aspect of our existence above all as sovereign nations. They have presented moments when great decisions and judgement have been called for.

To these moments, Your Majesty has brought the dignity, wisdom, courage that we all seek to offer those we are called upon to lead.

You have never sought to distance yourself from the lives of your people. You have never asked them to be followers or mere subjects. You have shared their joys, fear and disappointments.

You have made them deeply proud of their heritage and their identity. You have made your people feel that the Kingdom of Thailand is indeed their own kingdom. Above all, I feel, you have given them confidence.

Much of this comes from Your Majesty's own personal achievements. There have rightly been a source of great inspiration to your people whether academic, artistic and scientific, or in the most human terms the simple example of a good and loving father.

All these achievements have been recognized by the international community. And we offer you our warmest congratulations on the Lifetime Achievements Awards that has been conferred by United Nations.

Your Majesty,

In recognizing all these accomplishments some accounts of your reign have accorded you the title 'The Great'. We can all understand why.

But, for us who have come to honour you here, a simpler title expresses our feelings. It is a dear and very special title.

You are Our Friend and Our Most Respected colleague.

You inspire us all and we, Your Majesty's peers and admirers, honour you most deeply for this.

We are also extremely grateful to Your Majesty's Government and to Prime Minister Thaksin Shinawatra for the opportunity we have had to express these feelings of great respect in person.

In arranging this unique gathering, they honour us as well. It has been a privilege to share their celebrations on this wonderful occasion and we wish Your Majesties and the people of the Kingdom of Thailand many more years of great happiness and prosperity.

Thank you.



**Titah
Sempena Hari Keputeraan
Yang Ke 60 Tahun**

**Pada
19 Jamadilakhir 1427/ 15 Julai 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di
atas limpah rahmat-Nya mengizinkan istiadat ini berjalan dengan
baik dan sempurna.

Terlebih dahulu, beta merakamkan terima kasih kepada semua
yang telah memberikan ucapan tahniah mereka.

Demikian juga ucapan sama kepada semua yang hadir, terutama
tetamu-tetamu khas beta dari luar negara.

Tidak dilupakan juga anggota Perkhidmatan Awan, Pasukan
keselamatan, sektor swasta dan sekalian lapisan masyarakat serta
kaum, sama ada mereka yang tinggal di daerah, bandar mahupun
kampong.

Beta amat bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam telah
ditakdirkan menjadi sebuah negara yang makmur lagi aman, dapat
menikmati taraf hidup yang tinggi, sekalipun di tengah-tengah
pergolakan dunia yang mencabar.

Tidak ada yang lebih bermakna dari usaha mengekalkan
kemakmuran dan keamanan.

Oleh itu amatlah penting untuk kita mengambil langkah ke hadapan bagi memastikan supaya keduanya itu dapat dipelihara dengan berkesan.

Di antara yang utama ialah memastikan sumber minyak dan gas dapat terus dinikmati oleh rakyat.

Di samping itu, sikap lebih terbuka ke arah mempelbagaikan ekonomi juga adalah, penting, sebagai cara mengukuhkan lagi 'survival' negara, termasuk meningkatkan pelabur asing dan menjalankan dasar 'bumi hijau' dengan lebih aktif.

Tidaklah kena bagi kita menunggu lama-lama, hanya oleh kerana kita sudah terbiasa mengimport bahan-bahan, sekalipun ianya hanya berupa sayur-mayur buah-buahan. Padahal semua itu boleh tumbuh dan subur di bumi sendiri.

Senario ini amatlah tidak sesuai dengan sifat Negara membangun. Oleh itu, ia mestilah di atasi.

Kita perlu membiasakan diri bergerak lebih pantas, serta menyingkirkan anggapan, bahawa sumber yang sedia ada adalah memadai. Kita tidak boleh leka dari menghadapi keadaan-keadaan yang tidak mungkin diduga.

Kita tidak tahu, sumber minyak dan kemampuan Kerajaan, sampai bilakah ia bertahan? Pada Tahun 2005 sahaja, Kerajaan beta telah membelanjakan 166 juta ringgit sebagai subsidi kepada penggunaan minyak kenderaan.

Kita wajar mempunyai perancangan yang jauh, termasuk bagi mendapatkan sumber tenaga manusia yang profesional dan produktif.

Sehubungan ini, adalah penting bagi jentera pentadbiran Kerajaan, untuk merancang dengan lebih kemas, sehingga dapat membuahkan hasil yang memuaskan.

Maka untuk itu, Perkhidmatan Awam juga diminta memainkan peranan bagi memudahkan pembangunan termasuk juga pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan.

Mana-mana kelembapan di dalam proses pelaksanaan hendaklah dikaji dan diatasi secepatnya. Tahap koordinasi juga, perlu selalu dinilai dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Susah senangnya bangsa adalah menjadi tanggungjawab kita sendiri, kerana itu, kerajaan beta sangatlah mengambil kira tentang kos hidup serta keadaan semasa ekonomi.

Misalnya, walaupun kemudahan perubatan dan pendidikan percuma sudah sekian lama dinikmati, namun Kerajaan masih sahaja meneruskannya, demi menyedari, bahawa kos bagi kedua-dua perkhidmatan itu adalah tinggi dan terus meningkat.

Untuk pembiayaan semua subsidi dan perkhidmatan-perkhidmatan percuma serta juga pembangunan negara, Kerajaan beta Alhamdulillah, masih sahaja mampu mengendalikannya tanpa payah mengenakan tambahan bebanan kepada rakyat.

Kerajaan beta, dengan azam yang mantap, akan terus mengamalkan usaha pengukuhan kewangan (fiscal consolidation) melalui pengurusan kewangan yang prudent, agar kesejahteraan yang sedang kita nikmati ini dapat diteruskan dengan izin Allah.

Beta bersyukur, sejak kebelakangan ini, hasil pendapatan Kerajaan adalah menggalakkan, serta kedudukan kewangan juga dapat diperkukuhkan.

Oleh itu, sebagai menghargai sumbangan-sumbangan anggota perkhidmatan Kerajaan beta, khususnya di peringkat rendah, beta sukacita mengumumkan bagi pemberian kenaikan matagaji khas (Accelerated Increment) khusus bagi tahun ini sahaja, kepada mereka yang sedang di dalam perkhidmatan Kerajaan pada masa ini.

Butir-butir peningkatan pendapatan bulanan, hasil kenaikan tersebut, akan dimaklumkan kemudian melalui surat Keliling Jabatan Perdana Menteri.

Bagi kakitangan di Bahagian IV and V, kenaikan Elaun Sara Hidup juga akan diberikan. Manakala bagi kakitangan bergaji hari, beta juga ingin memaklumkan bahawa kadar gaji dan kenaikan tahunan (annual increment) akan diselaraskan dengan satu kadar yang lebih bersesuaian.

Beta berharap, tambahan pendapatan yang bakal diterima oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan, biarlah digunakan dengan secermat mungkin, di samping dapat berusaha untuk menyimpan melalui financial planning bagi keperluan-keperluan mendatang.

Kepada para peniaga pula adalah diingatkan, supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barangan mereka.

Satu lagi aspirasi beta ialah, ingin melihat negara ini terus selamat dan aman. Keselamatan dan keamanan adalah nadi segala-galanya.

Oleh itu, semua lapisan rakyat dan penduduk perlulah bekerjasama dengan semua agensi keselamatan negara, dalam usaha kita mengekalkan keselamatan dan keamanan itu.

Perlu diingat, bahawa isuke selamatan adalah merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Ia bukan sahaja perlindungan dari tindakan-tindakan jenayah, tetapi juga perlindungan untuk kesejahteraan sosial, jaminan dalam perkerjaan, kesihatan dan kehidupan keluarga serta masyarakat pada amnya.

Beta yakin, dengan adanya semangat memelihara keselamatan ini, kita dengan sendirinya akan baik, menjadi penghayat perpaduan dan hidup harmoni yang melahirkan keselamatan dan keamanan itu.

Inilah tugas kita yang utama, serta juga sumbangan terbesar kepada negara dan rakyat serta kemanusiaan seluruhnya. Kerana

kita adalah tidak mampu lagi melihat bagaimana penderitaan yang dialami oleh mereka yang kehilangan keselamatan dan keamanan itu. Contohnya mudah, boleh dikesan dari beberapa bahagian dunia ketika ini.

Sejak mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984, negara kita telah menjadi anggota beberapa pertubuhan serantau dan antarabangsa. Dengan keanggotaan ini dapatlah kita sama-sama memainkan peranan.

Kita selaku anggota, adalah turut mengingini sebuah rantau dan dunia yang mantap, sama ada dalam politik, keselamatan mahupun ekonomi.

Kita nampak, impian ini insya-Allah boleh dicapai, apabila pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan itu tetap teguh dengan aspirasi masing-masing.

Sebagai pelengkap menghadapi cabaran-cabaran global, kita perlu menyiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang wajar dimiliki, supaya kita dapat bersaing langsung dengan orang lain di dalam segenap bidang.

Persaingan hanyalah mungkin wujud apabila kita memiliki kemahiran-kemahiran di mana kemahiran itu biasanya, mampu mendorong kepada lahirnya pemikiran-pemikiran dan langkah-langkah kreatif untuk maju.

Inilah caranya untuk kita menjadi bangsa yang maju dan mampu bersaing.

Namun mustahak disedari, bahawa setiap kemajuan itu, ada pemiliknya yang mutlak, iaitu Allah Yang Maha Kaya.

Kita janganlah lupa perkara ini. Rujuklah sejarah. Beberapa banyak tamadun umat Islam yang lebih maju dari tamadun lainnya, tetapi musnah akibat mencuaikan kewajipan beragama.

Kita janganlah lupa ‘hakikat sejarah’ yang berharga ini, walaupun ramai orang lain sudah melupakannya.

Tetapi bagi Brunei, kita jangan pula melupakannya. Malah ambillah ia sebagai iktibar. Kerana sejarah itu adalah guru, ia tidak pernah berbohong.

Akhirnya beta sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli Jawatan Perayaan Peringkat Kebangsaan dan Daerah yang telah bekerja keras untuk menjadikan perayaan ini sebagai hari keriang dan kegembiraan untuk semua.

Semoga kita berada dalam aman bahagia di bawah ‘inayah dan perlindungan Allah.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Ilmu
Hari Keputeraan
Baginda Yang Ke 60 Tahun
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
Pada
24 Jamadilakhir 1427/ 20 Julai 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Majlis Ilmu Sempena Perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta diteruskan lagi.

Sudah ternyata, Majlis Ilmu adalah berjaya menarik minat rakyat dan penduduk negara ini, kerana hidangan ilmu dan maklumat yang dibawakannya adalah sangat berguna.

Beta pula secara khusus melihat, bahawa Majlis Ilmu pada tahun ini telah mengemukakan satu 'tema besar', berbunyi: Raja Berdaulat, Negara Berkat, Rakyat Selamat.

Pada beta, kedaulatan itu adalah segala-galanya. Ia perlu dipelihara oleh generasi demi generasi. Kedaulatan adalah kuasa tertinggi yang dikurniakan oleh Allah Taala, bersifat kepimpinan yang benar dan sah, di mana rakyat dan negara bernaung di bawahnya.

Dalam makna, kedaulatan raja adalah juga kedaulatan bangsa dan negara. Ia merupakan lambang kewujudan bangsa dan negara

itu sendiri. Ia adalah intan yang berkilauan. Kata orang tua-tua: Dari manapun keluarnya, ia adalah intan, dan di manapun letaknya, ia tetap berkilauan.

Itulah dia kedaulatan, suatu nilai luhur bagi raja dan negara. Ketiga-tiga elemen ini dapatlah diumpamakan sebagai 'satu tubuh', yang tidak boleh ada bersamanya walau satupun, anggota yang cacat. Ibarat maksud hadis Nabi Sallallahu Alahi Wassalam, jika satu anggota sakit, seluruh tubuh akan turut mengalaminya.

Jadi kewajipan kita ialah, memelihara semua itu : Kedaulatan Raja dan Negara, sama seperti kita memelihara tubuh badan kita sendiri, jangan ada yang sampai cacat atau sakit, demi kelangsungan selaku amanah Allah.

Dan selaku amanah, ia wajiblah dipelihara, dipupuk dan digilap.

Dengan apa?

Tentu saja dengan ketaatan terhadap siapa yang mengurniaknya sebagai amanah, iaitu: Allah Subahanhu Wataala.

Insyaa-Allah, dengan cara ini, kita akan selamat dan bertambah maju serta juga akan disegani oleh dunia.

Akhirnya, beta berdoa semoga Majlis Ilmu akan terus berperanan sebagai wadah pembudayaan ilmu dan maklumat.

Pada tahun ini, disempenakan dengan perayaan Keputeraan beta yang ke-60 tahun, sebuah buku berjudul Balai Pameran Sultan Haji Hassanah Bolkiah: Penjana Tamadun Islam telah diterbitkan. Beta sungguh gembira dengan penerbitan ini.

Bersabit dengan itu, beta telah memperkenankan supaya buku ini disebarkan secara meluas, terutama kepada perpustakaan-perpustakaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat

penyelidikan yang bersohor di dunia. Ia juga dijdikan cenderamata kepada para jemputan di Pembukaan Rasmi Majlis Ilmu 2006 ini.

Maka dengan lafazkan Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli'Alaa Sayidinaa Muhammadin Wa'alaa Alihee Wasahbihee Ajma'een, beta rasmikan Majlis Ilmu 2006 Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Beta Yang Ke-60 Tahun.

Sambil itu juga, beta dengan sukacita melancarkan buku: Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah: Penjana Tamadun Islam atau dalam judul Inggerisnya: Sultan Haji Hassanah Bolkiah Islamic Exhibition Gallery: Revitalising Islamic Civilisation.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Sambutan Hari Belia
Kebangsaan
Stadium Tertutup Kompleks Sukan
Negara Hassanah Bolkiah, Berakas
Pada
7 Rejab 1427/ 1 Ogos 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat hadir Majlis yang meriah ini.

Di mana-mana sahaja, kaum belia adalah menjadi kebanggaan negara. Mereka adalah golongan yang dianggap mampu mencorakkan masa depan serta juga selaku penerus kesinambungan cita-cita bangsa.

Biasanya golongan belia mempunyai program dan agenda mereka sendiri. Mereka bertindak dan berfikir cara mereka. Mereka muda dan cergas, kerana itu banyaklah kerja dan aktiviti yang mereka lakukan.

Namun begitu, masyarakat yang sedar tidak akan membiarkan para belianya bersendirian, melainkan dipeduli dengan wajarnya. Ini, bukanlah suatu sekatan terhadap mereka, cuma sebagai usaha ke arah memberikan bimbingan.

Kita tidak tunduk kepada pertimbangan wang ringgit semata-mata, tetapi mengambil kira, andainya golongan belia kita tidak

dididik dengan sempurna, maka apakah yang akan jadi kepada bangsa dan negara? Apa kerugian dan keuntungannya?

Sebagai peneraju masa depan, golongan belia kita tidaklah boleh menampakkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan ‘calak bangsa’.

Kehidupan beragama misalnya. Adalah ciri khusus kita. Di samping itu, hidup di kandung adat juga adalah merupakan budaya yang berharga.

Dalam wadah budaya, ‘Orang Brunei’ masih sahaja palikat dengan nilai-nilai berawar galat, menghormati orang tua, lutan dan tidak camah mata. Nilai-nilai inilah yang membawa kita bangun dan disegani.

Di samping itu, belia kita juga perlu memiliki prestasi di pelbagai bidang, seperti pendidikan dan kemahiran-kemahiran. Ia boleh dicapai melalui saluran-saluran biasa dan juga latihan-latihan khusus.

Menyedari hakikat ini, kerajaan beta telahpun menyediakan institusi-institusi pendidikan bagi memperolehi pelbagai ilmu dan juga kemahiran-kemahiran. Dengan adanya ini semua, telah membuka pintu untuk Brunei mencapai kecemerlangan bagi jangka waktu yang tidak terhad.

Kaum belia adalah aset berharga dalam konteks ‘nation building’. Mereka adalah penyumbang yang aktif, khasnya di bidang-bidang kesukarelaan.

Beta amatlah menghargai penglibatan mereka di bidang ini, kerana ia mencerminkan kejujuran serta semangat sedia berkorban. Tanpa semangat ini, semua aktiviti sukarela itu mustahil untuk dijemakan.

Beta yakin, semangat kesukarelaan bagi seorang warga bangsa, adalah menjadi penentu kepada tinggi rendahnya kemajuan yang kita capai. Bukankah pada jiwa yang rela itu terbuka seribu pintu usaha?

Iniilah kekuatan dan keistimewaan semangat kesukarelaan itu.

Dalam pada itu, beta suka mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin belia khususnya, dan juga semua yang hadir, bahawa golongan belia, terutama belia remaja adalah sentiasa terdedah kepada eksplotasi pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka. Ada belia-belia yang digunakan untuk melariskan pelbagai produk hiburan dan 'constume' yang tidak serasi dengan adat resam bangsa.

Mengapakah belia menjadi sasaran?

Kerana sifat-sifat mereka yang memang menarik, di samping juga faktor kejiwaan, di mana mereka mudah terpengaruh kepada perkara-perkara hangat dan baru.

Kesempatan inilah yang sering diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan itu tanpa memperdulikan, sama ada baik ataupun buruk.

Eksplotasi terhadap kelemahan-kelemahan belia seumpama ini wajarlah jangan dibiarkan, tetapi perlu diambil perhatian serius serta ditangani oleh kita semua, khususnya para pemimpin belia sendiri.

Program-program menyuntik kesedaran perlulah disusun, termasuk juga untuk para ibu bapa dan masyarakat, sebelum ianya menjadi isu sosial yang kronik.

Beta memahami, bahawa produk-produk dalam bentuk hiburan dan 'constume' itu, impaknya kepada belia adalah dianggap minimal dengan alasan, sifatnya hanyalah bermusim dan tidak kekal. Tetapi pada beta, kita jangan sekali-kali lupa, bahawa apa yang disemai, itulah pula yang akan dituai.

Jadi berhati-hati. Marilah kita sama-sama memuhasabah diri untuk kecemerlangan para belia dan kecemerlangan semua.

Bersempena dengan sukut baik kehadiran para pemimpin belia dari seluruh ceruk rantau negara, maka beta dengan ini sukacita

mengistiharkan, bahawa pada setiap 1 haribulan Ogos adalah sebagai Hari Belia Kebangsaan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Sambutan
Jubli Emas Pendidikan Perguruan
Negara Brunei Darussalam
Dewan Canselor
Universiti Brunei Darussalam
Pada
16 Rejab 1427/ 10 Ogos 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat menghadiri Majlis Sambutan Jubli Emas Pendidikan Perguruan pada pagi ini.

Pendidikan perguruan adalah merupakan elemen yang amat penting dalam menggerakkan proses pembangunan negara. Jasanya yang amat besar ialah menjadikan kita sebagai bangsa yang celik AKSARA, berteknologi dan maklumat.

Dalam konteks pembangunan sumber tenaga manusia, adalah tidak lengkap jika kita tidak menyentuh peranan guru dalam mendidik anak bangsa. Dengan asas pengajaran merekalah, negara dapat memenuhi keperluan tenaga profesional dan teknikal.

Oleh yang demikian, dengan pencapaian usia 50 tahun pendidikan perguruan di negara ini, maka memang wajarlah bagi Institusi Pendidikan Perguruan untuk terus mewujudkan latihan dan penyediaan perguruan yang berkualiti dan mantap.

Para guru dan bakal-bakal guru mestilah dibekalkan dengan persediaan dan kecekapan yang terbaik, sama ada segi ilmu khusus pendidikan, mahupun ilmu umum yang bermacam-macam.

Guru keluaran institusi ini hendaklah benar-benar berjiwa dan berperwatakan profesion guru, berwibawa, dedikasi, prihatin dan penuh komitmen terhadap tugas and tanggungjawab mereka. Dengan adanya kapasiti guru yang cekap serta berkualiti itu, maka barulah boleh diharapkan akan lahir pelajar-pelajar yang maju dan berkualiti pula.

Bagi beta, latihan perguruan yang berkualiti adalah merupakan kekuatan yang boleh kita gunakan sepenuhnya untuk melangkah lebih maju. Apa yang beta ingin lihat di sini, ialah Institusi Pendidikan Perguruan kita biarlah betul-betul sebuah pusat perguruan yang mempunyai 'NICHE AREA' yang tersendiri, yang dikenali di rantau ini dan juga antarabangsa.

Dengan tenaga dan kepakaran yang ada di institusi ini, hasrat itu pada beta, tidaklah mustahil untuk dicapai. Apa yang perlu ialah mengukuhkan kewibawaan meluas hubungan serta rangkaianannya dengan institusi-institusi pendidikan perguruan ternama di seluruh dunia, sambil itu juga terus menajamkan ilmu dan kemahiran.

Kejayaan dalam usaha ini akan dapat dilihat, bila mana institusi perguruan itu dapat melahirkan para graduannya, yang bukan sahaja laku untuk berkerja di institusi-institusi pendidikan sektor awam malahan juga di sektor swasta, baik di dalam mahupun di luar negara.

Menyentuh secara spesifik mengenai profesion perguruan, ianya pada seberapa dekad terdahulu adalah merupakan bidang yang sangat dihormati dan digalati oleh masyarakat. Oleh itu tidak hairan, selain menjadi guru, ada juga di antara mereka yang diamanahkan memegang jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan. Malah bukan itu saja, para guru juga dijadikan tempat merujuk dan mengadu pelbagai perkara, termasuk juga untuk mendapatkan berbagai-bagai nasihat yang berguna.

Berbeza dengan masa sekarang, profesion perguruan tidak lagi merupakan sebagai pilihan utama bagi pelajar-pelajar kita. Ianya

sudah menjadi profesion yang kurang diminati. Namun, sebagai negara dan masyarakat yang sedar, kita tetap meletakkan profesion ini berada paling atas di antara lain-lain profesion.

Kita perlu memartabatkannya sampai bila-bila. Kerana realiti perguruan bukanlah mudah, dan malah bukan semua orang boleh menyandangnya. Ia adalah satu tugas berat, memerlukan kesesuaian dan kelayakan-kelayakan khusus.

Beta berharap, Institusi Pendidikan Perguruan akan dapat merealisasikan cita-citanya bagi melahirkan guru-guru yang baik. Maka ke arah ini, ia perlulah mendapatkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pendidikan sebagai sumbernya.

Selain itu, aspek skim perkhidmatan perguruan juga perlu menentukan guru-guru berkelibar untuk terus kekal di sekolah, di samping laluan untuk bertukar ke peringkat jabatan bagi kenaikan pangkat, seharusnya pula bukan lagi dijadikan sebagai satu pilihan. Skim perkhidmatan perguruan sewajarnya menyediakan laluan yang memberi ruang kepada guru-guru untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi, sejajar dengan peringkat sumbangan mereka.

Untuk melahirkan guru-guru berkualiti yang dihasratkan itu, maka semua aspek pendidikan perguruan, bermula dari input, proses latihan dan pendidikan LEBIH-LEBIH LAGI INSTITUSI PENDIDIKAN PERGURUAN ITU SENDIRI SERTA TENAGA MANUSIA hendaklah menjadikan kualiti dan kecemerlangan sebagai sasarannya yang utama. Demikian juga produknya hendaklah dapat memenuhi permintaan 'STAKEHOLDERS' dari semua segi termasuk kecekapan, etika serta sikap, yang semuanya itu dapat mencerminkan kualiti profesion perguruan yang sebenar-benarnya. Jika tidak, maka Institusi Pendidikan Perguruan itu boleh saja gagal untuk memenuhi aspirasi negara dan bangsa.

Demikian harapan beta dan malah harapan kita semua.

Sekian, Wabillat Taufik Walhidayah Wassalamulaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Sambutan
Israk Dan Mikraj
Bagi Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi
Kompleks Dewan Kemasyarakatan,
Tutong
Pada
27 Rejab 1427/ 21 Ogos 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat hadir di majlis yang berkat lagi bersukut baik ini.

Dalam zaman yang penuh dengan penceroba, di mana amal kebajikan semakin merosot, maka ajaran-ajaran yang terkandung dalam peristiwa Israk dan Mikraj adalah perlu ditonjol dan dihayati.

Tidak syak lagi umat Islam juga sekarang turut sama menyaksikan kejutan 'penyakit nilai'.

Nilai budaya, nilai amal salih dan nilai moral sedang tergugat teruk, berikutan dengan gelombang kemajuan yang tidak menentu.

Dunia dan manusia menang diakui maju. Kemajuan pada lazimnya disukai melalui ciptaan-ciptaan. Bertambah canggih ciptaan, maka bertambah pula dianggap maju.

Namun apa yang kelihatan, bertambah maju manusia ini, bertambah merosot pula nilai budi. Nyawa dan harta benda, yang biasanya amat dipelihara dan dihargai, sekarang seperti tidak berharga lagi.

Lihatlah kepada peperangan era baru, siapa yang kuat, akan sesuka hati, boleh saja menggugurkan bom dan peluru berpandu ke sasaran-sasaran haram yang tidak sepatutnya disasari, seperti rumah-rumah dan bangunan-bangunan penempatan awam, pasar-pasar, lapangan-lapangan terbang, jambatan-jambatan, lebuh raya hatta ladang-ladang tempat orang mencari makan.

Ini semua, tidakkah ianya gara-gara kemajuan hebat di bidang persenjataan? Kemajuan jenis ini nampak-nampaknya sedang memangsakan tamadun dan manusia sendiri.

Kita umat Islam perlu melihat situasi ini dengan 'mata hati kesedaran', bukannya dengan cara mengikut-ikut. Kita perlu bercermin kepada agama kita yang suci. Kerana agama ini telahpun menyediakan panduan yang cukup sempurna.

Agama Islam, melalui peristiwa Israk dan Mikraj, telah mengajar umat ini supaya lebih yakin dan sabar, walaupun sepahit mana yang datang. Ini boleh dilihat dari kisah Masithah yang mengagumkan.

Terhadap sesama Islam, dan malah walaupun bukan Islam, yang dizalimi atau disakiti, kita adalah dianjurkan supaya memberi simpati.

Kita yang tidak sakit ini, wajiblah bersimpati kepada orang yang sakit. Kita yang terlepas daripada kezaliman, perlulah bersimpati, dan malah menolong orang-orang yang dilanda kezaliman itu.

Sebab itulah, beta telah turut menyakinkan kepada Ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), bahawa negara kita insya-Allah, bersedia untuk menghulurkan sebarang bantuan bagi menghentikan peperangan di Lubnan.

Begitu juga, sebagai tanda simpati kita kepada umat Islam di mana saja, yang sedang dilanda musibah, apapun bentuk dan jenis musibah itu, beta baru-baru ini telah menitahkan supaya diadakan sembahyang Hajat dan bacaan Qunut Nazilah pada hari Jummat.

Apabila kita melakukan Sembahyang Hajat dan Qunut Nazilah, ini juga bererti faedahnya adalah untuk kita sendiri juga.

Bukakkah, apabila kita misalnya, mendoakan keselamatan bagi orang lain, maka para Malaikat pula akan mendoakan kita supaya kita juga diberikan perkara yang sama?

Inilah makanya, munajat kepada Allah dengan mendoakan saudara-saudara kita sesama Islam itu, adalah satu akhlak yang terpuji dan cantik, yang barangkali juga, sudah banyak dilupakan orang.

Ajaran yang dibawa oleh peristiwa Israk dan Mikraj adalah cukup untuk membuat kita kaya dengan petunjuk-petunjuk ketuhanan yang kita perlukan.

Jiwa dan semangat keagamaan yang semakin menipis, adalah perlu disiram dengan ajaran-ajaran itu, insya-Allah, kebangunan umat Islam serta tamadunnya, akan dapat diharapkan.

Oleh itu, kita bukan sahaja patut membaca dan mengulang kisah-kisah Israk dan Mikraj itu pada setiap tahun, tetapi lebih mustahak lagi ialah mengambilnya sebagai garis panduan untuk dipakai. Misalnya tentang sembahyang, tentang zakat, tentang keburukan seks haram dan lain-lain, di mana ajaran-ajaran tersebut jika dipatuhi, akan mendatangkan keselamatan dan kekuatan semula umat Islam.

Sekian sahaja untuk sama-sama direnungkan.

Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Dimajlis Kesukuran Anjuran
Orang-Orang Yang Dikurniai
Gelaran Sempena Hari Keputeraan
Yang Ke-60 Tahun
Hotel Antarabangsa
Rizqun, Gadong
Pada
10 Syaaban 1427/ 2 September 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbi' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

'Beta bersyukur dan bahkan gembira dapat menghadiri majlis yang dianjurkan oleh orang-orang yang dikurniai gelaran pada malam ini. Beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya di atas ingatan yang sangat berharga itu.

Apabila disebut sahaja orang-orang bergelar, atau dikurniai gelaran, maka tergambarlah kepada kita, bahawa mereka itu adalah orang-orang yang mempunyai kedudukan tertentu.

Tidak habis setakat itu sahaja, mereka juga mestilah mempunyai peranan-peranan tertentu pula, sesuai dengan gelaran masing-masing.

Di sinilah keindahan adat istiadat kita. Ia bukan sahaja indah di mata, tetapi juga indah pada 'isinya'. Gelaran-gelaran yang diadakan bukan sahaja untuk menghiasi majlis-majlis beristiadat, ibarat bunga-bunga menggar yang beraneka warna, tetapi pada mereka itu turut pula terpikul tugas yang berat untuk memenuhi tanggungjawab dan amanah.

Tanggungjawab itu, paling atas sekali, ialah mendukung kedaulatan raja, menyokong dan membantu raja di dalam semua aspek berkebakikan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara.

Orang-orang bergelar tidak boleh lari dari tanggungjawab ini, walaupun cuma sekadar ucapan doa. Namun menyalahi atau melanggar prinsip mendukung, menyokong dan membantu raja, adalah tidak boleh berlaku sama sekali. Jika berlaku, walau setitik, itu namanya tidak setia.

Perkara ini penting beta tegaskan, kerana maklum sahaja senario dunia tidak dapat menjamin minda dan jiwa seseorang untuk berkeadaan mantap. Hari ini ia 'putih', mungkin besok, setelah dimasuki oleh pengaruh-pengaruh jahat, maka minda dan jiwa yang putih itu boleh sahaja bertukar jadi 'hitam'.

Ini bukanlah cakap kosong atau sengaja kita ramal-ramal. Tetapi ianya fakta di sepanjang sejarah, yang boleh berlaku di mana-mana jua.

Kita tidak mahu menerima pengaruh buruk ini. Kerana jika ia berlaku, boleh membawa padah yang tidak diingini, khasnya kepada raja dan kedaulatannya.

Sebab itu, kita sangat bersetuju dan menjunjung tinggi ajaran agama Islam, bahawa melantik dan mentaati raja itu hukumnya adalah wajib.

Perspektif 'WAJIB TAAT' ini ialah, setiap rakyat, sesiapa pun jua, adalah tidak boleh derhaka kepada raja. Menderhakai raja hukumnya haram dan berdoa besar.

Beta rasa, orang-orang bergelar, sudahpun memahami perkara ini. Oleh itu, memang wajarlah jika mereka itu pula dianggap sebagai pemegang 'amanah besar' dalam usaha-usaha memelihara dan meneguhkan kedaulatan raja.

Apa-apa jua cara dan ikhtiar ke arah itu hendaklah diambil. Umpamanya, jika PEMBANGUNAN dianggap selaku tunggak untuk meneguhkan kedaulatan raja, maka ia patutlah dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Semua orang bergelar boleh sahaja terlibat di dalam pembangunan. Mana-mana yang memang mempunyai peranan atau kuasa di bidang pembangunan fizikal, setentunya mestilah melaksanakan tugas ini dengan berkesan. Sementara yang tidak ada apa-apa, mereka pun masih boleh sahaja menyumbang di bidang pembangunan rohani pula, seperti nasihat-nasihat dan bimbingan-bimbingan yang berguna. Ini juga namanya pembangunan: Membangun menerusi teladan.

Etika dan trend baru mungkin sahaja kurang memberikan perhatian kepada warisan-warisan tradisi, seperti kehidupan beradat-istiadat dan berpemerintahan beraja. Ini, mungkin juga punca daripada perubahan zaman yang digarap oleh pendidikan moden.

Namun, mereka itu sebenarnya kurang faham bahawa bukan semua yang baru itu intan, dan lama cuma kaca biasa.

Tetapi apapun sikap kita, pendirian dan trend baru ini tetap akan ada.

Maka beta rasa, disinilah peranan paling mencabar orang-orang bergelar, untuk membetulkan sebarang tanggapan salah oleh generasi baru terhadap warisan-warisan tradisi. Di antaranya yang disalah tanggap itu ialah konsep “MELAYU ISLAM BERAJA”.

Beta tidak faham mengapa orang harus mempertikaikannya? Mempertingkaikan konsep ini bererti kita mempertingkaikan diri kita sendiri, dan sekaligus juga mempertingkaikan sejarah asal-usul.

Apakah boleh berlaku seseorang mengubah rupa bentuknya? Jawabnya mungkin sahaja boleh, seperti orang mengubahnya dengan

cara menjalani pembedahan-pembedahan yang tidak diizinkan oleh syarak yang bertujuan untuk mengubah bentuk asal kejadian, di mana kesan jangka panjangnya juga mungkin sangat buruk.

Begitulah ibarat kita mengubah warisan yang indah, apatah lagi membuangnya langsung, apakah yang akan terjadi? Tentu sahaja akibatnya buruk dan rugi. MIB itu sungguh indah pada sebutan, dan lebih indah lagi pada isinya. Ia selamat dan menawan pada sebutan dan lebih selamat serta menawan pula pada isinya.

Insyaa-Allah, siapa sahaja yang mendukung dan bernaung di bawah konsep luhur ini akan selamat dan bahagia.

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Konvokesyen
Universiti Brunei Darussalam
Dewan Canselor,
Universiti Brunei Darussalam
Pada
1 Syaaban 1427/ 4 September 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-18 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.

Beta terlebih dahulu, dengan tulus ikhlas, mengucapkan tahniah kepada para graduan dan penerima-penerima sijil di atas kejayaan mereka masing-masing.

Sebagaimana sedia dimaklumi, bahawa sektor pendidikan tinggi adalah memainkan peranan amat penting dalam membina tamadun, sosial dan ekonomi negara.

Menyedari keperluan ini, beta difahamkan bahawa kita, iaitu dari peringkat rendah sehingga ke peringkat menengah untuk memastikan lagi kualiti pendidikan negara.

Selaras dengan keperluan yang sama, beta rasa, merebiu semula sektor pengajian tinggi negara juga adalah baik dan penting. Dengannya kita akan dapat melihat sejauh manakah tahap pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi kita yang ada.

Usaha seperti ini adalah merupakan tuntutan dunia global, yang kita sifatkan sebagai reformasi ke arah mengemaskinikan sistem pengajian tinggi yang lebih berpelbagai.

Sehubungan itu, untuk memenuhi kehendak ini, beta telah menubuhkan Jawatankuasa Meneliti Pengajian Tinggi Peringkat Menteri-menteri Kabinet yang akan menilai perkembangan dan pencapaian sektor pengajian tinggi negara dan seterusnya mengenal pasti arah tuju pengajian tinggi tersebut. Jawatankuasa ini akan membentuk strategi-strategi yang komperhensif yang kira-kira dapat meletakkan sektor pengajian tinggi itu pada kedudukannya yang lebih mantap.

Institusi-institusi pengajian tinggi wajarlah mempunyai reputasi yang dapat memberikan contoh-contoh berguna serta pendidikan yang berkualiti, termasuk mempunyai pelbagai jenis pembelajaran yang mampu melahirkan pelajar-pelajar berjaya serta berupaya membawa kepada perubahan.

Kita sentiasa berharap sambil memberi penekanan, supaya para graduan kita mempunyai ilmu yang luas serta kemahiran yang 'marketable' ini, selain bagi keperluan para graduan itu sendiri, ia juga adalah turut ditunggu oleh bakal-bakal majikan, pertubuhan-pertubuhan profesional, pasaran buruh dan masyarakat.

Menyentuh mengenai penubuhan sebuah lagi pusat pengajian tinggi yang pernah beta titahkan, walaupun ianya turut menjadi tanggungjawab bagi jawatankuasa yang baru ditubuhkan itu untuk menelitinya namun ini bukanlah alasan untuk melambatkan-lambatkannya. Kalau tidak silap beta, sehingga hari ini, sudah tiga kali beta pernah menyebutnya.

Kita mahu, pusat pengajian yang bakal lahir itu, tidak mengapa, jika sudut luarannya kurang glamour, tetapi ia mestilah benar-benar menepati aspirasi negara, dapat membina generasi Muslim berilmu dan berakhlak mulia.

Memanglah disedari, beberapa keperluan, kita mungkin masih kekurangan. Tetapi kekurangan juga ada hikmahnya, iaitu boleh menjadi pendorong yang kuat ke arah 'usaha-usaha' besar kita.

Yang merisaukan kita, masa itu adalah berjalan amat pantas. Ia akan terus memotong kita. Manakala kita duduk diam tidak bergerak, bayangkanlah berapa jauh kita akan tertinggal ditinggalkan oleh mereka yang terus menerus bergerak dengan masa?

Selain itu, beta juga ingin mengulangi di sini, bahawa matlamat kita ialah sebuah pusat pengajian tertinggi Islam yang tulen, yang akan menjadi 'landmark' kita di dunia dan juga akhirat, insya-Allah.

Akhir sekali, beta tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan dengan UBD, yang meliputi Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis serta Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, para ahli akademik dan pegawai serta kakitangan, di atas segala sumbangan dan khidmat mereka yang tulus ikhlas. Semoga Allah jua akan memberi ganjaran, taufik dan hidayah-Nya kepada semua. Amin!

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Di Majlis Forum Khas
Mengenai Konsep
'Melayu Islam Beraja (Mib)'
Sempena Perayaan Sambutan Hari
Keputeraan Ke-60 Tahun
Pada
27 Syaaban 1427/ 20 September 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiie Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Malam ini adalah malam yang amat istimewa untuk kita sama-sama mengikuti forum khas mengenai dengan konsep "MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)" yang disempenakan dengan perayaan sambutan hari keputeraan beta yang ke-60 tahun.

Tidak syak lagi, majlis ini adalah 'majlis penting' untuk kita menggali ilmu. Dasar ilmu itu sangatlah luhur dan amat berharga. Dengan ilmu kita akan mendapat pedoman. Ibarat orang berjalan di dalam gelap, di mana ilmu adalah suluhnya.

Begitulah kehebatan ilmu. Ia akan membawa kita kepada kebenaran.

Kebenaran yang ditampilkan oleh ilmu adalah kebenaran mutlak yang tidak dapat dicabar-cabar. Semua orang boleh lemah dan tunduk dengannya.

Pada malam ini, kita akan meniti irama. Irama itu bukanlah irama yang menidurkan, tetapi irama yang membangunkan. Dengannya, jiwa dan minda kita akan hidup, disuntik oleh maklumat-maklumat yang bernas dan betul. Inilah santapan kita pada malam ini.

Beta dari hati yang tulus ikhlas, turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur, dan juga tidak lupa untuk mengalu-alukan Paduka Anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr.Nazrin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan, yang sudi berangkat untuk menyampaikan ucapnama di majlis ini. Begitu juga kepada ahli-ahli panel dari dalam dan luar negeri, yang beta percaya, akan mampu untuk menyerikan majlis ini dengan hujah-hujah mereka yang bernas menurut kepakaran masing-masing.

Kepada para hadirin dan juga mereka yang berada di rumah, samalah kita mengikutinya sambil membuka dada dan minda luas-luas untuk menyaring dan merumusnya sebagai maklumat berguna.

Dengan mendahulukan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli'Alaa Sayyidina Muhammad, beta rasmikan Forum Khas Mengenai Konsep 'Melayu Islam Beraja (MIB)' sempena perayaan sambutan hari keputeraan beta yang ke-60 tahun.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Hari Guru
Yang Ke-16 Tahun 2006
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
Pada
28 Syaaban1427/ 21 September 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbi' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat menyambut Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang ke-16 pada pagi ini.

Sambutan Hari Guru bukan sahaja untuk menghargai jasa-jasa para guru, malahan juga merupakan satu forum bagi menilai semula keberkesanan dan profesionalisme perguruan.

Ini, adalah selaras dengan peranan guru, selaku pencorak dan pembentuk masyarakat serta juga membawa perubahan.

Guru perlulah terus relevan, menguasai alam perguruan dengan sebaiknya. Paksi perguruan itu adalah guru efektif dan berwibawa.

Guru bukan sahaja mampu mengajar, malahan juga mendidik, sehingga melahirkan generasi gemilang.

Para guru adalah tulang belakang kepada sistem pendidikan. Berjaya atau gagal nya sistem ini, turut ditentukan oleh mereka.

Sebab itulah, guru yang cemerlang adalah mereka yang mampu menghadapi pelbagai cabaran sambil dapat memenuhi ekspektasi bangsa dan negara.

Pelaburan kita yang besar ialah pendidikan. Ia mesti diberi nilai, sejajar dengan tuntutan zaman.

Setakat ini, kita menganggap, pencapaian kita sudahpun sama standing dengan negara-negara maju, berdasarkan, hampir semua matlamat Millennium Development Goals (MDG) Bangsa-Bangsa Bersatu dan matlamat Education for All (EFA) UNESCO sudahpun kita capai. Namun ini tidak bermakna usaha-usaha lebih ke hadapan akan kita hentikan.

Pendidikan tidak ada noktahnya. Ia menuntut supaya terus dipertingkatkan. Ia adalah aset yang hidup untuk perubahan. Jika ia tidak meningkat, bermakna perubahan, tidak akan sehebat yang diharapkan.

Sebab itu jangan lambatkan proses peningkatan. Peningkatan adalah kemajuan. Melambat-lambatkan kemajuan adalah perkara yang sia-sia.

Beta ingin mengingatkan, bahawa pendekatan kepada kemajuan bukan dibuat berasaskan apa yang individu mahu, tetapi hendaklah mengambil kira apa yang negara anggap perlu, sama ada kita suka ataupun tidak, kepentingan negara adalah tetap utama.

Inilah etika yang betul di dalam pekerjaan. Terutama sekali dalam bidang pendidikan, etika ini adalah perlu untuk mencepatkan proses peningkatan. Jika hari ini kita memang layak meningkat, maka apakah lagi perlunya untuk kita menunggu sampai besok ataupun lusa?

Beta sudahpun menimbulkan tentang masa. Ia sungguh pantas dan tajam, kalau kita tidak cepat memotongnya, ia pasti memotong kita. Dan sehubungan ini, kita juga sedia maklum bagaimana

sikap bangsa-bangsa yang maju terhadap masa, mereka itu sangat menghargai masa, iaitu salah satu faktor yang menjadikan mereka maju.

Apakah kita, selaku bangsa yang sedang membangun ini, masih belum tergerak untuk mencontohi mereka?

Jika mengambil perkara yang baik, walau dari siapapun, adalah sifat terpuji. Yang kita tidak mahu ialah mendatangkan yang tidak baik untuk merosakkan diri sendiri.

Inilah di antara strategi pendidikan yang kita mesti ada, dengan matlamat, ianya dapat menimbulkan rasa bangga terhadap nilai-nilai sendiri, di samping juga dalam masa yang sama, mampu menjana semangat ingin maju yang tinggi.

Akhirnya, khusus kepada warga pendidik di negara ini, beta berharap mereka itu akan terus mempertingkatkan kualiti kecekapan dan ilmu, demi masa depan anak bangsa dan negara.

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlisi Sambutan Nuzul
Al-Quran Peringkat Negara
Tahun 1427 Hijrah
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Pada
17 Ramadan 1427/ 9 Oktober 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat hadir di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran ini. Al-Quran adalah wahyu Allah yang mengandungi pelbagai pengajaran dan ilmu.

Al-Quran sangat memandang tinggi kepada orang-orang yang berilmu. Nabi Adam 'Alaihissalam dikurniakan oleh Allah dengan pelbagai ilmu, sehingga menjadikannya dihormati oleh para Malaikat dengan izin Allah. Kemudian baginda juga telah diberikan tugas selaku khalifah di muka bumi.

Inilah kehebatan ilmu.

Sebagaimana Nabi Adam 'Alaihissalam memiliki ilmu, maka keturunan Baginda juga adalah semestinya begitu. Anak-anak kita orang Islam, lebih-lebih lagi perlu berilmu. Kerana hanya dengan ilmu sahaja kehidupan besar dan maju, baru akan menyerlah.

Umat yang kurang ilmu adalah umat yang layu.

Jadi menyedari kepentingan ilmu ini, kerajaan beta telahpun menyediakan pelbagai kemudahan dan galakan. Janganlah disia-siakan kemudahan-kemudahan itu.

Capailah kejayaan sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya. Pilihlah jurusan yang sesuai dengan bakat dan kebolehan. Tingkatkan kualiti dengan banyak berlatih dan beramal.

Kita semua tahu, Al-Quran adalah wahyu Allah. Ia menerangi segalanya. Sesiapa jua yang membaca, yang menghafal atau yang beramal dengannya akan mendapat cahayanya.

Cahaya Al-Quran sama sekali tidak sama dengan lain-lain cahaya. Cahaya Al-Quran hanya akan runduk di hati yang bersih dan jiwa yang luhur. Kerana itu umat Islam perlulah memiliki hati yang bersih dan jiwa yang luhur.

Sehubungan dengan para peserta Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan, mereka itu pada khususnya adalah lebih utama untuk menghayati prinsip bersih dan luhur ini, kerana hafalan yang mantap dan rakat adalah banyak bergantung kepada faktor bersih dari segi syarak. Termasuklah makan minum yang bersih yakni halal.

Lebih jauh lagi mengenai kebersihan ini, ialah 'niat yang bersih' atau yang baik. Ia adalah mahkota segala pekerjaan.

Kerana itu, kita usahlah terlibat dengan sebarang 'niat buruk' terhadap sesiapa jua, walaupun orang lain ada berniat tidak baik kepada kita.

Agama kita yang suci telah menyuruh membalas kejahatan dengan kebajikan, dengan harapan, kebajikan itu dapat mengubati kejahatan.

Apabila kita berpegang kuat kepada prinsip kebajikan ini insya-Allah kita akan dikasihi oleh Allah, sebagaimana ditegaskan-Nya dalam Surah Al-Maa-idah, ayat 13, tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berusaha membuat kebajikan”

Kita di Brunei, sudahpun nampak kasih sayang Allah itu melimpah-ruah. Kita telah menikmatinya semenjak sekian lama lagi berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Semua ini adalah berkat kebajikan yang terbit daripada niat baik semua peringkat, terutama di kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada.

Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara.

Oleh itu, sebagai mengenang jasa ini serta juga sebagai tanda, yang kita tidak pernah melupakan mereka, maka satu skim pencen telah diperkenalkan sejak sekian lama, yang diberi nama ‘Pencen Tua’.

Negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, malah sebaliknya, menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara.

Maka kerana ini, sebagai tanda bersyukur kita dan negara, beta dengan sukacita mengumumkan kenaikan bagi kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan. Kenaikan ini berkuatkuasa mulai pada 1 haribulan Oktober 2006.

Butir-butir mengenainya akan dimaklumkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang akan dikeluarkan tidak berapa lama lagi.

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Hari Raya Aidilfitri
Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi
Pada
1 Syawal 1427/ 25 Oktober 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbi' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee
Ajma'een Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhmd.

1 Syawal adalah 'Hari Besar' yang disambut dengan segala kemeriahan dan keriang. Pada hari ini kita bebas makan dan minum. Sebelum ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Hari Raya, kita lebih dahulu disunatkan untuk merasa atau menikmati sedikit juadah yang ada. Bahkan pada hari ini, kita adalah dilarang berpuasa.

Hari Raya adalah hari bersukaria, hari kita memakai pakaian yang elok-elok serta baru. Namun ini, bukanlah bermakna kita disuruh untuk berlebih-lebihan atau membazir.

Buatlah apa yang layak, sesuai dengan kemampuan masing-masing.

Di dalam perkara pakaian, makanan dan minuman, kita tidaklah wajar berlumba bagi mengatasi antara satu dengan yang lain. Perlumbaan di sini sangatlah dilarang, kecuali berlumba untuk mendapat seberapa banyak kebajikan.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhmd.

Begitu juga perlumbaan bagi mempelbagaikan kemudahan dan perhiasan sehingga membawa orang berhutang, adalah juga satu amalan yang perlu dihindari. Kerana risiko hutang itu sungguh membebankan, baik di dunia mahupun di akhirat.

Di dunia, jika kita sarat dengan hutang, ia boleh mendatangkan bermacam-macam ketidak-tenteraman, sementara di akhirat pula, jika hutang itu tidak dibayar, ia akan membawa kepada keperitan dan kesusahan.

Oleh itu, carilah kebahagiaan melalui 'gaya hidup' sederhana. Jimatkan wang untuk masa depan keluarga. Jalan kita dan anak-anak adalah masih panjang. Ia meminta perancangan yang bijak daripada kita.

Masa depan itu, tidak siapapun yang tahu. Dan anak-anak pula adalah pelaburan masa depan tersebut.

Maka oleh itu, utamakanlah asuhan dan didikan untuk mereka, sambil berusaha mengelakkan kesilapan-kesilapan yang mungkin terjadi.

Hari ini kita bolehlah berkata, bahawa kita selamat dan makmur. Tetapi hari esok bukan kita lagi yang mengucapkan ungkapan itu, melainkan sekadar turut ketawa ataupun menangis.

Itulah gambaran hari muka yang penuh dengan teka-teki. Oleh itu, jangan tanya apa yang akan berlaku esok, tetapi berfikir dan merancanglah untuk hari esok yang lebih baik.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahihamd.

Jika ibarat puasa boleh menimbulkan kesedaran tentang betapa peritnya lapar dan dahaga yang dialami oleh orang-orang susah dan melarat, maka Hari Raya juga boleh mendatangkan keinsafan serupa, betapa kita adalah dituntut untuk mensyukuri nikmat kemewahan yang ada pada kita, di samping juga tidak melupakan, bahawa di

serata dunia, masih terdapat golongan yang tidak mampu untuk membeli pakaian baru dan juga tidak cukup makan.

Fenomena ini, segera pula mengingatkan kita kepada rahsia zakat, yang bertujuan bagi melepaskan golongan yang berhak menerimanya dari kesusahan-kesusahan yang menekan atau menghimpit mereka.

Kerana itu, beta berharap, supaya pihak yang berkenaan dengan pengendalian zakat, akan dapat benar-benar menunaikan tanggungjawabnya sebaik mungkin.

Beta yakin, kutipan zakat kita adalah mampu untuk mengatasi permasalahan yang patut ditangani. Inilah kelebihan kita.

Pengagihan yang teratur lagi sempurna, tentu saja akan membawa imej yang baik serta keberkatan kepada negara.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta ingin mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua golongan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana juga mereka berada. Semoga Allah melimpahkan kebahagiaan kepada kita semua dengan beroleh petunjuk serta pemeliharaan-Nya yang berpanjangan. Amin.

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah
Sempena Majlis Sambutan
Hari Raya Aidilfitri
Anjuran
Yayasan Sultan Haji Hassanah
Bolkiah
Dewan Plenari
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
Pada
22 Syawal 1427/ 14 November 2006**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Dalam kemeriahan merayakan Hari Raya, kita tidak boleh lupa untuk memperolehi seberapa banyak kebaikan. Kebaikan yang dimaksudkan itu ialah perkara-perkara di dalam mentaati Allah Subhanahu Wataala.

Sesuai dengan semangat ini, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah memilih murid-murid dan penuntut-penuntut serta guru-guru mereka sebagai peserta pada kali ini.

Beta dengan sukacita mengalu-alukan mereka itu.

Murid dan penuntut adalah anak didik kepada guru-guru. Guru-guru pula adalah tenaga manusia dalam perkhidmatan pendidikan untuk melahirkan generasi bangsa.

Kedua-duanya adalah penjana kemajuan di masa depan.

Kita tidaklah dapat meramalkan bentuk masa depan itu. Namun kita perlulah bergerak untuk kemajuannya.

Sebagai misalnya, berpuluh-puluh tahun dahulu, sebahagian orang tua-tua kita tidaklah tergambar yang kita ini boleh mencapai taraf hidup yang tinggi yang kita nikmati pada masa ini. Mereka mungkin tidak menduga bahawa negara dan bangsa kita boleh berkembang maju. Namun begitu, mereka adalah turut berusaha untuk memperolehi apa saja yang mungkin boleh dicapai.

Usaha mereka yang paling besar dan bermakna ialah memberikan pelajaran kepada kita. Lalu kita pun menjadi terpelajar, sekalipun peringkat pengajian yang dicapai tidaklah sama.

Dengan berkat pelajaran itu, bangsa kita pun dapat menikmati kemajuan, sebagaimana yang sedang kita nikmati sekarang.

Kunci rahsianya ialah usaha dan azam. Sebagai contoh, negara kita tidaklah akan melahirkan doktor-doktor dari kalangan rakyat Brunei sendiri, sekiranya kita tidak merancang dan menyediakan skimnya.

Begitu juga dengan kerjaya profesional yang lain-lain.

Semuanya itu adalah bermula dengan memberikan pelajaran. Kemudian disusuli oleh perancangan-perancangan tertentu dengan memberikan peluang kepada sebahagian mereka bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Banyak bidang kerjaya dan jawatan profesional telah juga disandang oleh rakyat negara ini. Kita sangat bersyukur serta berbangga dengan anak-anak kita itu kerana berhasil menyandang jawatan-jawatan berteknologi tinggi termasuk di bidang industri minyak dan gas.

Dengan contoh-contoh ini, kita sepatutnya lebih yakin dan optimistik untuk terus merancang masa depan bangsa menerusi murid-murid dan penuntut-penuntut kita.

Dunia dan manusia akan terus menyaksikan kemajuan ilmu pengetahuan. Adapun kecemerlangan sesuatu bangsa itu akan lebih ditentukan oleh sejauh mana mereka dapat menguasai ilmu dan kemahiran.

Di samping itu, bangsa yang maju juga adalah bangsa yang dapat mengekalkan jati dirinya. Bangsa-bangsa lain akan mengenalinya menerusi sifat dan watak jati diri itu. Bangsa yang berjati diri pasti akan dihargai dan dihormati oleh semua orang.

Oleh itu, kita sebagai bangsa yang memang sedia mempunyai jati diri, hendaklah tidak mengabaikan aspek-aspek jati diri kita.

Kita hendaklah bersikap memelihara, sambil memperolehi jati diri kita yang ada, bukan dengan sewenang-wenang mengubahnya, dengan alasan untuk menyesuaikan dengan zaman.

Satu dari jati diri itu telah turut terungkap di dalam Pemasyhuran Kemerdekaan Negara, berbunyi: 'Melayu Islam Beraja'.

Jati diri bukan sahaja setakat untuk diketahui, malahan juga mesti diketarakan. Ia perlu sentiasa nampak, dipakai dan dihayati, barulah faedahnya dapat dirasakan.

Ia tidak boleh dicampur-aduk, lebih-lebih lagi dengan perkara sia-sia yang bercanggah dengan pegangan serta adat resam kita.

Mencampur-aduk itu, adalah satu kerja yang mudah. Ia boleh terjadi melalui pelbagai cara dan saluran, seperti menerusi saluran-saluran hiburan di dalam upacara-upacara perayaan dan seumpamanya. Kadang-kadang kita sampai hilang punca sehingga melupakan jati diri sendiri, seperti tidak menghiraukan lagi batasan-batasan agama serta membuat perkara-perkara yang boleh dilihat sebagai melimpasi

adab sopan beraja dan berbangsa, padahal jati diri orang Brunei adalah penuh dengan ‘awar galat’, serta perbuatan ‘suruk langkah’ juga menjadi ukuran penting di dalam pergaulan.

Iniilah mustahaknya kita mesti betul-betul berpijak di bumi Brunei sendiri. Dan untuk itu kita sangat memerlukan pendidik dan pemimpin yang berjati diri.

Guru-guru dan lain-lain pihak berkenaan hendaklah mengambil berat perkara ini, supaya anak-anak kita, pemuda-pemudi kita dan generasi seluruhnya akan terselamat dari sebarang pencemaran budaya.

Dan sesuai dengan tema perhimpunan untuk memperolehi kebaikan, maka beta berharap supaya semua pihak akan sama-sama bergerak menghalangi unsur-unsur yang tidak serasi dengan jati diri bangsa, dari masuk menyusup menerusi acara-acara sambutan dan perayaan.

Sekian, Walbillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah
Sempena Hari Raya Aidilfitri
Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi
Pada
9 Zulhijah 1427/ 30 Disember 2006

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil' Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahilhmd.

Kita sepatutnya membanyakkan syukur kerana menjadi orang Islam.

Di dalam Islam, banyak hari dan peristiwa yang kita peringati. Hari-hari dan peristiwa-peristiwa tersebut masing-masing dengan nama dan munasabahnyanya yang tersendiri, seperti Hari Raya Aidiladha, Tahun Hijrah, Peristiwa Israk dan Mikraj dan lain-lain.

Semua hari dan peristiwa itu pula rata-rata mengandungi nilai pengajaran dan tarbiah. Sasarannya yang utama, supaya jiwa kita sentiasa jinak kepada Islam, atau dengan kata lain, supaya kita kuat berpegang kepada akidah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahilhmd.

Menyebut tentang akidah, ia sering dikaitkan dengan ajaran yang diamalkan. Jika ajaran itu betul, maka dikatakan akidahnya betul. Sebaliknya jika salah, maka akidahnya juga dianggap salah dan menyimpang. Lalu dari sinilah timbulnya istilah popular: "Ajaran Sesat".

Beta amat bersyukur, kerana negara kita tidak menampakkan tanda-tanda adanya virus ajaran sesat. Jika ini benar, maka bermakna ia adalah satu kelebihan kepada kita.

Namun begitu, ini tidak bererti kita tidak perlu berwaspada. Kerana virus ajaran sesat itu mudah hidup dan berkembang.

Di akhir-akhir ini, kita telah turut membaca dan mendengar tentang satu ajaran yang telah diharamkan, tetapi sedang dicuba untuk dihidupkan semula.

Oleh itu beta ingin mengingatkan, supaya setiap pintu kita dikawal dan diamat-amati, sehingga virus yang merbahaya ini tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara kita.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahilhamd.

Beta berharap negara kita akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat. Dan untuk itu, tentu saja kita memerlukan usaha.

Di antara usaha paling efektif ke arah ini ialah, melalui pendidikan. Terutama pendidikan awal mesti jelas, bahawa subjek agama tidak akan diabaikan.

Usaha-usaha lain termasuklah penyibaran dakwah, khutbah, ceramah dan tulisan. Kita perkemas semua ini untuk memberikan kefahaman beragama sebaik mungkin.

Insyallah, dengan usaha-usaha berterusan seperti itu, akan dapat menyelamatkan kita dan negara daripada sebarang 'anasir akidah' yang tidak diingini.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahilhamd.

Bersukut dengan hari berkat lagi agung, Aidiladha ini, beta turut merafakkan doa, semoga para Jemaah haji kita khasnya, yang sedang menjalani kemuncak ibadat mereka, akan sentiasa mendapat pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala, sihat afiat dan beroleh haji yang mabrur.

Kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam pula, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha, semoga kita semua mendapat perlindungan Allah, dikekalkan di dalam iman, beroleh kesejahteraan dan kemakmuran yang diredai oleh Allah.

Tidak ada yang lebih selamat dari berada di bawah inayah Allah, dan tidak ada yang lebih nyaman serta sejuk dari rahmat Allah Taala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahilhamd.

Sekian, Walbiillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

